

JABATAN ANTRIPOLOGI DAN SOSIOLOGI
PERPUSTAKAAN

PEKEBUN KECIL : TINJAUAN TERHADAP
GEJALA PENGHALANG PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI
(KAJIAN KES DI KAWASAN KATTI, KUALA KANGSAR, PERAK)

OLEH

MUHAMMAD SHUHAILI BIN MOHD SHAFIE
NO. MATRIX : 048004

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTRIPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESSI 1987/88

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini adalah merujuk kepada tinjauan berkenaan dengan pekebun kecil getah. Apa yang pengkaji akan perhuraikan ialah berkenaan dengan gejala yang membawa kepada penghalang pembangunan sosio-ekonomi pekebun kecil. Pengkaji telah membahagikan kajian ilmiah ini kepada beberapa bab yang tertentu.

Bab pertama adalah merupakan bab pengenalan kepada latihan ilmiah ini. Ianya menerangkan tentang objektif kajian ilmiah ini, metode yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji pada masa kajian.

Bab kedua pula merupakan huraian berkenaan dengan konsep pembangunan serta pengemukaan tentang teori mengenai kemiskinan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana barat dan sarjana dari Malaysia sendiri.

Bab ketiga adalah merupakan rujukan kepada latar belakang tempat kajian iaitu kawasan Kati, Kuala Kangsar, Perak. Diperhuraikan juga akan status teknologi getah dan perkhidmatan pengembangan yang diterima oleh pekebun kecil getah daripada agensi-agensi yang berkaitan dengan perkhidmatan khidmat nasihat yang diterima oleh pekebun kecil.

Bab keempat pula menerangkan tentang nekerjaan selain dari menoreh getah bagi pekebun kecil. Selain itu, diperhuraikan permasalahan yang dihadapi oleh pihak pekebun kecil dari sudut pandangan mereka sendiri.

Bab kelima, ianya adalah berkenaan dengan organisasi-organisasi yang terlibat di dalam hal ehwal pekebun kecil. Perhatian utamanya adalah kepada pihak RISDA dan pandangan dari

(vi)

sudut RISDA sendiri terhadap permasalahan nekebum kecil.

Sementara bab penutup iaitu bab keenam pula adalah merupakan bahagian dimana pengkaji memberi penjurusan masalah dan beberapa saranan kepada penyelesaiannya.


BAB TIGA :	KAWASAN KAJIAN - KATI, KUALA KANGSAR, PERAK	28
3.1	Pengenalan	28
3.2	Latar Belakang Kampung Kati	29
3.3	Latar Belakang Masyarakat Kajian/Responden	30
3.3.1	Taburan Umur	30
3.3.2	Taraf Péndidikan	32
3.3.3	Saiz Keluarga	33
3.4	Kegiatan Ekonomi	36
3.4.1	Menoreh Getah	36
3.4.2	Usia Tanaman Getah	41
3.4.3	Keluasan Tanaman Yang Dimiliki/Ditoreh (Getah Sahaja)	43
3.5	Pasaran Jualan Getah	38
3.6	Bentuk Jualan Getah	38
3.7	Gred Getah	40
3.8	Status Teknologi Getah Dan Perkhidmatan Pengembangan	43
3.9	Pengetahuan Tentang Kawalan Dan Penggunaan Racun Rumpai	46
	Nota Kaki	49
BAB EMPAT :	BATAS HALANGAN KEAKTIFAN PEMBANGUNAN HIDUP PEKEBUN KECIL	50
4.1	Peninjauan Aktiviti Ekonomi Selain Dari Getah	50
4.2	Pendapatan Keseluruhan	53
4.3	Batasan Halangan Pembangunan Tahap Kehidupan Pekebun Kecil Getah	56

	<u>Halaman</u>
4.3.1 Pemasaran Hasil Getah	57
4.3.2 Eksplotasi	60
4.3.3 Dari Segi Tanaman Semula Getah	61
4.3.3.1 Penghantaran Benih Yang Lambat	62
4.3.3.2 Penerimaan Benih Yang Kurang Baik Dan Bekalan Yang Tidak Berkesesuaian	62
4.3.3.3 Kekurangan Tenaga Untuk Melaksanakan Tanaman Semula Getah	63
4.3.3.4 Ketidak Sanggupan Bertanam Semula	64
4.3.4 Birokrasi	65
4.3.5 Ketidak Cekapan Didalam Pentadbiran	66
Nota Kaki	69
 BAB LIMA : ORGANISASI YANG TERLIBAT DI DALAM HAL EHWAH PEKEBUN KECIL GETAH	70
5.1 Pendahuluan	70
5.2 Struktur Organisasi RISDA Dan Pentadbirannya	71
5.3 RISDA Ditempat Kajian	71
5.4 Program RISDA Ditempat Kajian	72
5.5 Program Pendidikan Dan Latihan	74
5.6 Pusat Perkembangan Pekebun Kecil (PPPK)	75
5.7 Koperasi Gabungan Pusat Pembangunan Pekebun Kecil Daerah Kuala Kangsar, Perak. (Koop Gabungan)	76
5.8 Projek Tanam Semula Kadar Baru	78
5.9 Masalah Yang Dihadapi Oleh Pekebun Kecil Dikawasan Kajian Dari Sudut Pandangan RISDA	79
Nota Kaki	83

BAB ENAM	PENGHURAIAN MASALAH DAN SARANAN PENYELESAIANNYA	84
SENARAI JADUAL		<u>ix</u>
BIBLIOGRAFI		91 - 92
LAMPIRAN		93 - 99

SENARAI JADUAL

- Taburan Umur	31
- Saiz Keluarga	34
- Saiz Isi Rumah	34
- Pendapatan Pekebun Kecil/Responden	37
- Pasaran Jualan Getah	38
- Usia Tanaman Getah	42
- Keluasan Tanaman Yang Dimiliki/Ditoreh (Getah Sahaja)	43
- Status Teknologi Getah Dan Perkhidmatan Pengembangan	45
- Pengetahuan Tentang Pengawalan Dan Penggunaan Racun Rumpai	45
- Keluasan Tanaman Padi Responden	51
- Keluasan Tanaman Dusun Responden	51 & 52
- Pendapatan Keseluruhan Responden	54
- Bayaran Bagi Tanam Semula Kadar Baru	77



BAB PERTAMA

1.1 Pendahuluan

Persoalan mengenai pertanian dari masa kesemasa seringkali ditimbulkan di dalam akhbar-akhbar maupun media massa yang lainnya. Ini memanglah sepatutnya kerana pertanian adalah merupakan tulang belakang kepada perekonomian Malaysia.

Artikel-artikel serta tulisan-tulisan mengenai pertanian sering kali dapat di baca dan dilihat. Ada yang memperkatakan tentang keadaan kehidupan petani dan ada juga yang melihat dari segi struktur penjalanan pentadbiran organisasi agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan menolong dan memajukan kehidupan kaum tani. Ini termasuklah LPP, Mardi, RISDA, PPK dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan teknologi-teknologi baru yang diperkenalkan, sering juga disiarkan tentang keberkesaan dan kejayaan sesuatu projek yang dilaksanakan dengan alat-alat teknologi yang baru ini. Malah, adalah dijangka, dengan adanya alatan moden ini, kaum petani akan dapat meningkatkan produktiviti serta pendapatan masing-masing. Adakah kenyataan ini mempunyai kebenarannya?

Kajian ilmiah ini adalah merupakan satu kajian kes keatas sektor pekebun kecil getah di kawasan Kati, Kuala Kangsar, Perak. Kehidupan penduduk dikawasan ini yang mana memang bergantung kepada hasil pertanian dijangka akan dapat memberikan gambaran yang tersendiri akan keadaan sebenar yang dihadapi oleh kaum tani amnya dan khasnya sektor pekebun kecil getah kawasan ini.

Secara amnya, objektif kajian ini ialah untuk membuat suatu penghuraian tentang permasalahan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil

sehingga menyebabkan taraf sosio-ekonomi mereka rendah, tidak begitu berkembang.

1.2 Kepentingan Kajian

Pengkajian yang di lakukan oleh penyelidik terhadap pekebun kecil ini adalah dirasakan penting dan perlu memandangkan ketidak pesatan keadaan sosio-ekonomi pekebun kecil yang mana majoriti daripadanya adalah masih dibawah tahap kemiskinan. Keadaan sebegini amatlah menyedihkan. Ini memandangkan bahawa 62% daripada hasil pengeluaran getah negara adalah didapati daripada sektor pekebun kecil. Secara logiknya, sudah tentulah tingkat pendapatan pekebun kecil juga akan meningkat. Keadaan seperti ini, secara tak langsung, sudah pastilah akan mempercepatkan, atau setidak-tidaknya, akan membawa kepada peningkatan tahap kehidupan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil di atas paras kemiskinan. Malangnya, keadaan sebegini tidak terjadi.

Di Negeri Perak sendiri khasnya, 60% daripada pekebun kecil mempunyai pendapatan kurang daripada \$300/-sebulan, 31% pula mempunyai pendapatan antara \$300-\$500 sebulan dan cuma 9% sahaja yang berpendapatan \$500/= sebulan. Dimana silapnya? Adakah pekebun kecil mempunyai sikap yang negatif terhadap usaha-usaha pihak yang dipertanggung jawabkan bagi meningkatkan tahap kehidupan pekebun kecil ? Atau adakah pulangan yang diterima oleh pekebun kecil dari pihak kerajaan setimpal dengan usaha dan titik peluh pekebun-pekebun kecil itu sendiri ?

Inilah beberapa soalan dan permasalahan yang menarik pengkaji untuk melakukan kajian ilmiah ini. Diharapkan hasil kajian ilmiah ini nanti dapat memberikan gambaran sebenar atau setidak-tidaknya dapat menerangkan

akan permasalahan yang di hadapi serta gejala-gejala yang menghalang kepada pembangunan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil.

1.3 Bidang kajian/skop kajian

Dalam hal ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa aspek bidang kajian serta skop-skop yang dirasakan bersangkutan dengan penghuraian permasalahan yang dikaji. Pengkaji telah :-

- 1 - Cuba menentukan faktor-faktor yang membawa kepada kurang pesatnya peningkatan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil.
- 2 - Menentukan keberkesanan agensi-agensi yang ditugaskan dan dipertanggung jawabkan bagi pembangunan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil.
- 3 - Menentukan samada terdapat hubungan antara sikap anti-kemodenan dan usaha-usaha pihak kerajaan memperkenalkan teknologi-teknologi kemudahan untuk menoreh getah.
- 4 - Mengenal pasti akan bahan-bahan teknologi samada dari segi barang fizikal maupun yang berbentuk bahan kimia. Dari sini akan dapat diperhatikan tentang keberkesanan teknologi yang ada dan juga keburukan yang timbul akibat daripadanya. Ini adalah bagi melihat mentaliti serta kesedaran pekebun kecil didalam penerimaan serta perlaksanaan yang disalurkan. Adalah diharapkan dari sini nanti akan dapat dibuat rumusan serta kesimpulan tentang kepekaan pekebun-pekebun kecil keatas teknologi-teknologi yang ada dari segi fizikal maupun dari segi kimianya.

Antara lainnya, kajian ini akan cuba memberikan gambaran corak hidup sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil getah. Ini termasuklah tentang keadaan kehidupan pekebun kecil, pekerjaan serta aktiviti yang dilakukan selain daripada menoreh getah, nilai dan sikap mereka terhadap sesuatu perkara dan sebagainya lagi. Dengan membuat peninjauan yang sebegini, adalah diharapkan dapat diambil satu kesimpulan tentang apa dia permasalahan dan gejala-gejala yang menghalang, dari sudut pekebun kecil sendiri, kearah peningkatan pesat kehidupan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil.

Kajian ini juga akan membuat satu tinjauan khusus kepada agensi-agensi yang bertanggung jawab di dalam hal-ehwal pekebun-pekebun kecil getah. Ini termasuklah penumpuan kepada agensi RISDA, Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Bank Pertanian. Penumpuan yang dibuat adalah terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan oleh pihak-pihak ini terhadap pekebun-pekebun kecil. Ini termasuklah perkhidmatan dari segi kewangan, bantuan, subsidi, latihan-latihan yang diberi dan sebagainya lagi. Penumpuan ini juga adalah kepada teknologi-teknologi yang telah diperkenal dan dilaksanakan oleh pihak RISDA kearah meningkatkan lagi produktiviti pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil. Di sini juga akan digambarkan tentang penerimaan pekebun kecil terhadap teknologi-teknologi yang diperkenalkan oleh agensi-agensi ini.

Penumpuan kepada agensi-agensi ini perlu adalah kerana pengkaji ingin melihat sejauh mana keberkesanan agensi-agensi ini didalam arah memperkembangkan lagi corak kehidupan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil. Persoalannya, apakah agensi-agensi ini menjalankan apa yang dipertanggung jawabkan dengan sepenuh hati atau hanya sekadar melepaskan 'batuk ditangga sahaja'. Dengan kata lain, apa yang ingin dilihat ialah sejauh mana

penerangan dan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi ini berjaya mendapat kepercayaan pihak pekebun kecil mempraktik apa yang disarankan oleh pihak kerajaan.

Bidang kajian ini juga akan meninjau teknologi-teknologi samada dari segi fizikal maupun perkembangan dari segi barangan bahan kimia. Pengaplikasian barangan teknologi ini serta keberkesanannya dalam meningkatkan lagi produktiviti pekebun kecil akan diberikan tumpuan. Begitu juga akan dilihat kesan-kesan positif dan negatifnya barangan teknologi ini dari sudut pandangan pekebun kecil sendiri.

1.4 Metode kajian

Di dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa cara atau metode pilihan yang dirasakan perlu bagi melicinkan lagi kajian agar ianya dapat memudahkan serta memperlihatkan keadaan sebenar permasalahan yang dikaji. Pilihan-pilihan metode pengkaji adalah :-

- 1 - Penyediaan soal selidik untuk mendapatkan keterangan berkenaan dengan latar belakang responden dan maklumat-maklumat penting dan perlu seperti bilangan ahli keluarga, pendapatan, status pendidikan dan sebagainya.
- 2 - Pengkaji juga telah menggunakan kaedah 'participant observation' atau kaedah penyertaan pemerhatian. Kaedah ini digunakan bagi mendapat gambaran sebenar keadaan sosio-ekonomi pekebun kecil.
- 3 - Temubual secara formal dan tidak formal.
- 4 - Bahan-bahan penulisan, lapuran dan perangkaan daripada beberapa makalah.
- 5 - Pemilihan sample seramai 40 orang.

Pada permulaannya, pengkaji telah melihat dan membaca beberapa artikel, majalah-majalah, tulisan-tulisan yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Ini termasuklah pembacaan berkenaan dengan pihak RISDA dan tentang soal-soal kemiskinan yang dialami oleh golongan penoreh getah. Pembacaan ini dirasakan perlu untuk penyediaan kepada soal selidik bagi mendapatkan keterangan berkenaan dengan latar belakang responden.

Pengkaji juga telah menjalankan satu 'pilot survey' atau tinjauan permulaan keatas kawasan kajian. Tinjauan permulaan ini dijalankan terlebih dahulu untuk membiasakan pengkaji dengan keadaan sekeliling kawasan kajian. Ini juga dapat memberi secara kasar akan gambaran status kehidupan pekebun kecil. Dengan cara ini akan memudahkan penyediaan soalan-soalan (questionnaires) yang sesuai dengan golongan pekebun kecil. Penyediaan soalan-soalan yang mudah dan terang maksudnya serta bersesuaian dengan status pendidikan responden adalah menjadi satu keperluan agar responden dapat memberikan jawapan yang sebaik mungkin kepada pengkaji.

Dalam hal ini, pengubah suaian soalan-soalan dengan penggunaan bahasa yang bersesuaian dan mudah, tetapi tidak lari daripada maksud soalan, telah pengkaji lakukan demi untuk memudahkan responden memahami akan kehendak soalan dan dapat memberikan jawapan-jawapan yang tepat.

Dalam soal-selidik atau questionnaires yang disediakan ianya terbahagi kepada 2 bentuk iaitu berbentuk soalan terbuka (open ended) dan soalan tertutup (close ended). Soalan terbuka adalah merujuk kepada soalan-soalan yang mana memberikan kebebasan kepada pihak responden untuk menyatakan pendapat atau pandangan dari hasil fikirannya sendiri. Dengan cara ini, responden tidak terikat kepada jawapan-jawapan yang sedia ada. Pandangan-pandangan sebegini perlu untuk melihat mentaliti serta untuk

memperjelaskan keadaan yang samar-samar dipihak pengkaji. Bagi soalan-soalan yang berbentuk tertutup, ianya hanya memerlukan jawapan yang pendek seperti 'ya' atau 'tidak'. Dengan cara ini dapat diketahui ketepatan jawapan kepada soalan yang diberi. Dan lagi, ianya mudah untuk dianalisa.

Satu lagi metode/kaedah pengkaji ialah dengan menggunakan kaedah penyertaan pemerhatian. Dengan kata lain, sewaktu atau selama masa pengkaji menjalankan kajian, pengkaji telah tinggal bersama-sama dengan keluarga angkat dikampung tempat kajian. Pengkaji merasakan dengan penggunaan kaedah ini dapatlah nanti pengkaji merasai sendiri akan keadaan kehidupan masyarakat ditempat kajian.

Dengan tinggal bersama-sama ini, pengkaji telah melihat sendiri akan ciri-ciri kehidupan dan menilai serta memahami akan aktiviti-aktiviti dalam kehidupan responden. Ini akan dapat lagi memperdalamkan kefahaman pengkaji tentang masalah yang berkaitan dengan objektif kajian. Dengan penggunaan kaedah ini juga telah dapat memberi satu jalinan mesra antara pengkaji dengan pihak responden. Ini sudah tentulah akan dapat menjayakan lagi objektif kajian ini.

Keadaan ini begitu terasa sekali bila mana di dalam permulaan perbualan, setelah beramah mesra dan pengkaji menyatakan bahawa pengkaji tinggal dengan keluarga angkat dikawasan kajian, serta merta sikap responden yang pada mulanya berhati-hati dalam mengeluarkan ayat semasa berbual, bertukar menjadi perbualan yang terbuka.

Kaedah temu bual atau temuduga responden adalah terbahagi kepada 2 bahagian,

1 - Temu bual secara tidak formal diantara pengkaji dengan responden.

Termasuk juga didalam temubual tidak formal ini ialah diantara pengkaji dengan anggota masyarakat kawasan kajian itu amnya. Dengan cara ini perbualan tidaklah hanya terkongkong kepada soal selidik yang disediakan, tetapi juga pengkaji dapat mengetahui pernyataan-pernyataan yang tiada atau persoalan-persoalan yang tidak ditanggap oleh pengkaji sebelum penyediaan soal selidik. Dengan kata lain, didalam perbualan tidak formal ini, pengkaji telah dapat mengetahui permasalahan yang ada selain daripada hanya merujuk kepada soalan-soalan yang disediakan dalam soal selidik,

- 2 - Pengkaji juga telah menjalankan temubual secara formal dengan pihak-pihak yang bertanggung jawab didalam penjagaan hal ehwal pekebun-pekebun kecil getah dikawasan ini. Diantaranya ialah seperti pihak RISDA, AJKK kampung dan sebagainya.

Bagi temubual dengan pihak RISDA, pengkaji telah terlebih dahulu membuat satu 'appointment'. Ini adalah supaya pihak RISDA dapat bersedia dan jawapan yang diberi juga dapat dipertanggung jawabkan.

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkisar kepada apa program yang sedang, dan telah dilakukan atau dilaksanakan oleh pihak RISDA bagi kemajuan pekebun kecil kawasan kajian. Termasuk juga soalan yang ditanya ialah tentang program perancangan dan sambutan pihak pekebun kecil tentang perancangan pihak RISDA. Suka dinyatakan disini bahawa terdapat 2 pandangan yang berbeza iaitu satu pandangan dari pihak RISDA dan satu lagi pandangan pihak pekebun kecil sendiri. Penghuraian perbezaan ini tidak akan diperbincangkan disini, tapi akan dihuraikan di dalam perbincangan pengkaji dibab-bab yang selepas ini.

Dengan mengadakan temubual secara formal ini, pengkaji telah

mendapatkan data-data yang perlu untuk melengkapkan lagi pengkajian ini. Kerjasama yang diberikan begitu memuaskan sekali.

1.5 Pemilihan sample/responden

Responden seramai 40 orang telah dipilih daripada kawasan Kati, Kuala Kangsar, Perak. Oleh kerana terdapat 14 kampung di kawasan Kati, pengkaji telah cuba mengagihkan pemilihan responden ini kepada kampung-kampung yang ada supaya ianya dapat mewakili keseluruhan kawasan ini.

Terlebih dahulu, perlulah pengkaji nyatakan permasalahan yang timbul didalam pemilihan sample ini. Apa yang menyulitkan pengkaji ialah kerana kedapatan pekebun kecil yang tidak lagi aktif didalam aktiviti penorehan getah. Oleh itu, pengkaji tidak dapat menetapkan pemilihan sample berdasarkan kepada jumlah penduduk di situ. Adalah sukar untuk menentukan samada seseorang itu masih aktif ataupun tidak menjalankan aktiviti penorehan getah ini sebagai sumber utamanya. Ada sesetengahnya yang hanya menoreh getah mengikut musim sahaja. Mereka menoreh hanya bila harga getah meningkat. Jadi, tiada catatan nama atau statistik rasmi yang menunjukkan tahap keaktifan mereka ini. Pihak RISDA sendiri hanya mempunyai senarai bilangan pekebun kecil getah kawasan Kuala Kangsar keseluruhannya tetapi tidak dapat dikenal pasti samada mereka itu masih lagi aktif menoreh getah.

Oleh itu, pengkaji telah bertemu dengan ketua kampung bagi menentukan pemilihan sample ini. Pengkaji telah meminta jasa baik mereka ini didalam pembahagian pemilihan responden. Jadi, berdasarkan kepada keterangan dari mereka, dengan mengambil kira keaktifan setiap responden disetiap 14 kampung yang ada, pengkaji telah menyoal selidik responden yang dipilih.

Di dalam hal ini, bagi pembahagian bilangan responden untuk sesebuah kampung, dengan mengambil kira keadaan masa dan sumber kewangan yang tidak mengizinkan pihak pengkaji, pengkaji terpaksa bergantung kepada penerangan dari ketua kampung perkampungan yang ada.

Mulanya pengkaji telah menetapkan pembahagian sample/responden seramai 10% bagi setiap kampung. Maksudnya disini ialah 10% daripada mereka yang masih lagi aktif menoreh getah. Untuk ini, sekali lagi pengkaji telah meminta kerjasama dari ketua kampung untuk mengetahui bilangan pekebun kecil yang masih aktif. Masalahnya disini ialah ketiadaan senarai nama mereka-mereka yang aktif. Penerangan dari ketua kampung penting dalam hal ini. Namun begitu, pengkaji menaruh keyakinan diatas keterangan yang diberikan oleh ketua kampung perkampungan yang ada.

Pengkaji yakin, pemilihan responden ini akan dapat mewakili pekebun kecil getah bagi kawasan Kati, Kuala Kangsar, Perak, secara keseluruhannya.

1.6 Masalah kajian

Di dalam arah untuk menjayakan sesuatu kajian, sememangnya tidak dapat lari daripada menghadapi permasalahan yang timbul. Apatah lagi kajian yang berbentuk ilmiah seperti mana kajian ini. Pengkaji telah menghadapi beberapa masalah untuk melaksanakan kajian seperti ini.

Masalah yang pertama sekali pengkaji hadapi ialah tentang sikap pihak responden sendiri. Ini adalah kerana terdapat sikap responden yang begitu keberatan untuk memberi kerjasama kepada pengkaji.² Ini mungkin

kerana anggapan responden bahawa pengkaji adalah 'orang Kerajaan'. Begitu juga ada sebahagian daripada responden yang tidak begitu memahami kajian yang dilakukan oleh pengkaji hanya akan memburuk-burukkan orang kampung.³

Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji telah menerangkan dengan panjang lebar akan objektif kajian dan menyakinkan pihak responden bahawa kajian yang dilakukan adalah berbentuk ilmiah dan ianya tidak dijalankan untuk memburuk-burukkan orang kampung, bahkan kajian yang dilakukan adalah untuk mengetahui kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh orang kampung sendiri. Setelah memahami tujuan pengkaji, kerjasama yang diberikan adalah begitu memuaskan sekali.

Ketepatan data-data yang diterima juga adalah merupakan masalah kepada pengkaji. Di dalam penyediaan soal selidik, terdapat soalan-soalan tentang latar belakang responden. Ini seperti soalan-soalan dari segi bilangan keluarga, umur, pendapatan, simpanan harta dan sebagainya lagi. Soalan-soalan peribadi atau soalan-soalan yang berbentuk begini dirasakan perlu dan relevan dengan tujuan kajian. Dalam hal ini pihak responden agak keberatan untuk menjawab dengan jelas soalan-soalan yang dikemukakan. Sering saja ada kesamarannya.

Terdapat juga responden yang memberikan jawapan yang 'bias' atau berat sebelah bila diminta pendapat tentang faktor-faktor kemunduran pekebun-pekebun kecil dari segi sosio-ekonominya. Ini terjadi bila emosi responden dipengaruhi oleh rasa kecewa dan ketidakpuasan keatas pihak-pihak yang mengendalikan hal ehwal pekebun kecil.

Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji telah terpaksa membuat 'cross check' dengan pihak-pihak yang berkaitan dan juga pengkaji telah

meminta pandangan pihak kedua dan ketiga untuk mengesahkan jawapan responden.

Permasalahan dari segi waktu kajian atau masa kajian adalah juga merupakan masalah pada pengkaji. Penyesuaian pemilihan masa untuk bertemu bual dengan responden mendatangkan sedikit kesukaran kepada pengkaji. Keadaan ini agak menjelaskan juga kerana pengkaji menjalankan kajian dibulan Ramadhan.

Oleh kerana itu, perkiraan tentang waktu kerja, waktu rehat dan waktu untuk pertemuan yang bersesuaian dengan responden telah terlebih dahulu dikenal pasti dan ditetapkan agar ianya tidak mengganggu perjalanan hidup responden. Ini juga adalah untuk kesenangan responden agar dapat memberikan jawapan kepada soalan yang disoal dengan hati yang terbuka dan tidak tergopoh gapah. Ini untuk menjamin ketepatan jawapan yang diberi.

Selain daripada masalah-masalah yang dihadapi tadi, terdapat juga masalah seperti cuaca yang tidak menentu, adakala hujan dan adakalanya panas terik. Begitu juga masalah untuk menemui responden yang tinggal jauh dari tempat kediaman pengkaji. Jadi pengkaji telah juga menjalankan temubual di tempat-tempat seperti kedai kopi, kebun getah, pondok mesin getah dan sebagainya. Ini bergantunglah kepada kesempatan yang diperolehi. Ini dilakukan kerana kesempatan yang diperolehi oleh pengkaji untuk bertemu dengan responden adalah terhad, dengan mengambil kira faktor waktu dan keadaan.

Walau pun terdapat berbagai masalah yang dihadapi oleh pengkaji didalam usaha untuk melaksanakan kajian ini, tidaklah bermakna hasil kajian ini adalah hanya sekadarnya sahaja. Malah, kajian ilmiah ini telah dilakukan dengan rapi dan segala masalah-masalah yang di hadapi adalah

lebih kepada mendorong pengkaji melengkapkan lagi objektif kajian.

1.7 Batasan kajian

Pengkajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah merupakan satu kajian kes. Oleh itu, segala rumusan dan kesimpulan dari kajian ini hanya sebagai satu andaian yang mana ianya akan dapat mewakili kawasan-kawasan lain yang hampir sama dari segi kurang kepesatannya pembangunan. Namun begitu, generalisasi yang dilakukan berkemungkinan berlainan dengan tempat dan lokasinya.

Masa yang terbatas dan keadaan suasana yang terhad, telah mempengaruhi pengkajian ini. Pengkaji telah terpaksa membuat atau memilih sample yang agak kecil jumlahnya sahaja. Ini adalah disebabkan batasan masa selama 5 minggu bagi menjayakan kajian ini berdasarkan metode temu bual, soal selidik, dan pemerhatian, adalah dirasakan singkat sekali. Dalam keadaan yang sedemikian rupa, kemungkinan juga pengkaji kesamaran atau tidak dapat memerhati dengan sebaik mungkin akan cara kehidupan, nilai-nilai dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan gejala yang menghalang kepesatan pembangunan sektor pekebun kecil getah. Segala-segala ini sudah tentulah memerlukan pemerhatian yang berterusan dan dari masa ke semasa.

Nota

- 1 - Lihat laporan Tridelta SPR. 1 setakat 31hb. Disember, 1986, dalam profail pekebun kecil wilayah Perak Tengah sehingga 31hb. Disember. 1986.
- 2 - Dikawasan tempat kajian dijalankan, terdapat penyokong-penyokong parti PAS yang sememangnya tidak bersetuju dengan kerajaan dan juga mereka-mereka yang bersikap anti-kerajaan. Bila pengkaji menjalankan kajian, anggapan bahawa pengkaji adalah 'orang kerajaan' telah timbul dan jawapan-jawapan yang diberi adalah begitu berhati-hati sekali.
- 3 - Sebelum pengkaji menjalankan kajian, sebelum ini telah ada pengkajian yang dilakukan oleh mahasiswa daripada sebuah Universiti tempatan (bukan UM) mengkaji masyarakat disini. Dikatakan beliau telah mengkritik masyarakat disini.

BAB KEDUA

Bab ini akan memperkatakan berkenaan teori dan konsep pembangunan dan kemiskinan.

2.1 Konsep kemiskinan dan pembangunan serta ukuran penilaian keatasnya

Kemiskinan bukanlah merupakan satu gejala yang baru. Ianya adalah bersifat universal dan sejagat. Ini bermaksud kemiskinan bukan sahaja berlaku dikalangan negara-negara yang mundur tetapi juga berleluasa dikalangan negara-negara maju dan membangun.

Bagi peninjauan keadaan sesuatu kemiskinan itu, aspek ekonomi sering dijadikan satu ukuran menilai kadar kemiskinan yang ada. Selain dari aspek ekonomi, aspek sosial juga perlu ditinjau dan diberi perhatian yang teliti. Ini adalah kerana aspek ekonomi dan aspek sosial adalah saling berkaitan antara satu sama lain didalam perihal kemiskinan.

Ini sebagaimana yang terdapat di dalam International Encyclopedia of Social Science (1968:398),

'...not merely economic inequality (of poverty, living standard etc.) but also social inequality'

Mydral Gunnar ada menyatakan didalam 'The Challenge of World Poverty' (1970:57)

'...social inequality stands as the main cause of economic inequality, while at the same time, economic inequality supports social equality...'

Ini telah menunjukkan betapa kuatnya ikatan atau perhubungan

aspek ekonomi dan aspek sosial di dalam penentuan tahap kemiskinan. Seterusnya, Mydral menambah,

'...social and economic inequality stand as the main cause of poverty of the nation...

Dari sini dapat diperhatikan tentang keperluan terhadap keseimbangan dari segi sosial dan ekonominya. 'Equilibrium' antara keduanya ini perlulah dipertimbangkan bagi pemastian terhadap kadar kemiskinan.

Syed Husin Ali (1983) memberi konsep kemiskinan kepada dua pembahagian atau jenis :-

- 1 - Keperluan dasar atau asas yang mesti ada. Ini adalah seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya lagi.
- 2 - Keperluan dari segi kemudahan sosial seperti sekolah, hospital dan kadang-kadang kenderaan.

Kedua-dua perkara ini adalah merupakan keperluan hidup yang mana kekurangan atau pun ketidak seimbangan antara kedua-dua perkara ini akan menyebabkan keadaan hidup yang rendah. Oleh itu, bagi pemastian pencapaian tahap kehidupan di atas tahap atau paras kemiskinan, penelitian perlu ada tentang kecukupan 2 jenis kemiskinan ini.

Dengan terbasinya kemiskinan ini sajalah, akan dapat pembangunan sesuatu negara itu di pertingkatkan.

Dilihat dari aspek pembangunan, ianya dapat ditakrifkan secara amnya sebagai satu tahap proses keadaan yang mana perubahan-perubahan nilai berlaku didalam sesebuah masyarakat. Ini bermakna perubahan dari segi norma-norma kehidupan seperti tahap kehidupan dan keadaan hidup masyarakat ini.

Pembangunan masyarakat seperti mana yang dikemukakan oleh Institiut Pembangunan Sosial, Bangsa-Bangsa Bersatu ialah,

'...adalah satu proses dimana segala usaha rakyat disatu paduan dengan usaha kerajaan untuk membaiki keadaan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik seluruh masyarakat supaya usaha-usaha masyarakat itu dapat disatu paduan dengan jiwa negara dan dengan ini dapat member sumbangan yang penuh terhadap kemajuan negara'

Pernyataan disini ialah, dengan pembaikan atau penyelarasan kesemua aspek ekonomi, sosial, kebudayaan, politik dan sebagainya yang ada dan sumbangan yang penuh sahajalah yang dapat membawa kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

Keadilan atau kesamaan didalam pengagihan serta pembahagian aspek ekonomi, sosial, politik dan sebagainya perlu diberi perhatian mendalam bagi pengujudan keseimbangan aspek ekonomi dan sosial.

Isu-isu berkenaan dengan kemunduran atau ketidak samaan sosial pasti akan timbul apabila penafsiran konsep kemiskinan dan pembangunan dilakukan.

Dari sini dapat diambil satu kesimpulan bahawa ketidak samaan taraf kehidupan dapat dilihat dengan merujuk kepada aspek ekonomi dan aspek sosial.

2.2 Ukuran penilaian tahap kemiskinan

Apabila melihat akan taraf hidup seseorang itu dari segi ekonominya, ianya mengambil kira atau pun menekankan kepada sumber kewangan

yang ada. Keadaan ini dapat diperhatikan apabila merujuk kepada pendapatan yang didapati oleh individu itu, pendapatan keluarga dan sebagainya. Dengan kata lain, tahap kewangan yang didapati oleh seseorang itu daripada hasil kerja yang dilakukan adalah menjadi satu ukuran tahap kehidupan apabila dilihat dari segi ekonominya.

Index penilaian tahap kemiskinan ini dari segi ekonomi dapat diperhatikan apabila pihak kerajaan, setelah membuat satu penelitian yang rapi, mengeluarkan pentakrifan tahap kemiskinan didalam laporan Rancangan Malaysia Keempat yang meletakkan golongan pekerja yang berpendapatan \$500/= kebawah sebulan sebagai golongan yang berpendapatan rendah.

Namun begitu, penilaian index ekonomi ini sering berubah-ubah dari setahun kesetahun. Misalnya pada tahun 1983, telah diadakan satu seminar mengenai kemiskinan oleh Institiut Penyelidikan Getah Malaysia (I.P.G.M.) di Alor Setar. Dan adalah digariskan tahap kemiskinan dengan penggunaan tingkat angka kewangan. Ianya adalah seperti berikut :-

- 1
1978 - \$250/=
- 1979 - \$259/=
- 1980 - \$270/=
- 1981 - \$300/=
- 1982 - \$322/=

Dan adalah merupakan satu jangkaan yang tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa keadaan sebegini akan meningkat dari setahun ke setahun. Perubahan yang berlaku dan ketidak stabilan sistem pasaran yang sering dipengaruhi oleh faktur politik sesebuah tempat akan merubahkan juga kuasa beli wang dan menambah burukkan lagi keadaan yang ada.

Kawasan yang sudah tentu dilanda teruk akan keadaan ini sudah tentulah penduduk luar bandar. Keadaan sebegini adalah seperti mana yang diperkatakan oleh Ungku Aziz yang menegaskan bahawa fenomena kemiskinan adalah fenomena luar bandar. Menurut beliau, kemiskinan membawa maksud pendapatan yang rendah, dan jurang perbezaan yang tinggi di dalam taburan penduduk luar bandar amnya. Akibat kemiskinan akan membawa kepada keterikatan kepada hutang, kekurangan makanan baik dari segi kandungan maupun dari segi kuantiti makanan.

Dari sini, Kamal Salih (1983) menekankan berkenaan dengan keperluan kepada penunjuk kemiskinan yang membayangkan kedudukan sebenar, yang berkemungkinan akan dapat menggambarkan sepenuhnya kedudukan sesuatu golongan miskin.

Oleh itu, peninjauan dari segi pemilikan harta juga perlu didalam penentuan angka tunjuk kemiskinan. Ianya adalah merupakan harta dalam kepelbagai bentuk yang mana kepada masyarakat luar bandar, pemilikan yang penting ialah tanah. Ini membawa erti, dari aspek kemasyarakatannya, pendapatan seseorang itu adalah ditentukan juga kepada tanah yang dimilikinya. Contohnya, kepada pekebun kecil getah yang mempunyai tanah yang luas akan berupaya menghasilkan keluaran getah yang banyak. Ini boleh dirujukkan kepada bab 3. Jelas menunjukkan bahawa mereka yang berpendapatan lebih adalah merupakan mereka-mereka yang mempunyai tanah yang luas.

Oleh sebab itu, penggunaan aspek ekonomi sebagai ukuran asas tahap kehidupan tidaklah boleh atau tidaklah dapat dikatakan tepat tanpa melihat akan aspek sosialnya. Ini adalah perlu kerana kedua-dua aspek ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain.

Untuk ini, perlu ada penelitian dari segi keperluan harian yang asas. Keperluan harian yang asas ini adalah merujuk atau merangkumi akan keadaan rumah sebagai tempat tinggal dan perlindungan, keadaan pemakanan sesebuah keluarga, status pendidikan yang didapati, keadaan kesihatan yang terjamin dan sebagainya lagi. Keadaan sebegini ialah seperti apa yang diperkatakan oleh Syed Husin Ali. Begitu juga sebagaimana yang diperkatakan oleh Rowntree (1941) yang mana beliau mengatakan tahap kehidupan dapat dilihat dari segi kekurangan dari segi tingkah laku moral dan kecekapan berfikir.

Jadi, aspek sosial ini merupakan satu kepentingan yang saling berkaitan dengan aspek ekonomi dan adalah dijangkakan bahawa dengan peninjauan terhadap aspek sosial ini, ianya akan memberikan, walau pun tidak 100% tepat, anggaran yang wajar bagi mengukur tahap kehidupan sesebuah masyarakat itu. Ini adalah kerana dari sini akan dapat dilihat mutu kehidupan yang dijalani oleh masyarakat itu.

Oleh itu, aspek ekonomi atau pun index ekonomi bukanlah merupakan suatu daya ukur yang mutlak. Ianya memerlukan juga penelitiannya dari segi sosialnya. Dengan adanya pergabungan diantara dua aspek ini, iaitu aspek sosial dan aspek ekonomi yang meliputi keseluruhannya, barulah dapat diberi satu penilaian yang wajar bagi penentuan tinggi rendahnya tahap kehidupan sesebuah masyarakat itu.

Kesempitan kehidupan dari segi ekonomi, sosial dan juga politik, perlulah dipertingkatkan terlebih dahulu untuk membawa sesebuah masyarakat ketahap apa yang dikatakan sebagai pembangunan. Ini seperti apa yang dikatakan oleh De Sears didalam artikelnya 'The Meaning of Development'.

Beliau mengatakan,

'Pembangunan itu bererti kemampuan masyarakat dan negara mencapai objektifnya dan pembangunan itu dikatakan berlaku apabila graf ketiga-tiga penunjuk sosial, politik iaitu kemiskinan, pengangguran dan ketidak seimbangan, berkurangan dalam jangka masa yang panjang '

Pencapaian objektif dengan perapatan jurang perbezaan yang ada, dengan perancangan yang optimis, perlu dititik beratkan bagi meningkatkan pembangunan negara. Ini dengan sendirinya akan meningkatkan lagi tahap kehidupan penghuni masyarakat desa dan masyarakat tani.

Jadi, dapatlah disimpulkan disini, bahawa dari segi penglibatan pekebun kecil getah, tidaklah hanya boleh dilihat keadaan pencapaian mereka dengan hanya melihat kepada angka pendapatan keluaran yang dihasilkan. Keadaan hidup dan peredaran masa yang banyak ditentukan oleh keadaan politik sesebuah tempat itu akan membawa kesan kepada golongan pekebun kecil getah yang bergantung kepada hasil keluaran getah mereka.

2.3 Dari perspektif teori

Bagi mengatasi keadaan kemunduran masyarakat desa amnya, dan masyarakat tani khususnya, telah terdapat pakar-pakar atau sarjana-sarjana yang cuba mengemukakan teori-teori yang dijangkakan akan dapat membantu di dalam penyelesaian kearah peningkatan pembangunan negara.

Tokoh-tokoh dari barat yang mengemukakan pandangan serta teori masing-masing adalah seperti Lerner (1958), A.G. Frank (1970,1971), Rostow (1971), Leornard (1971), Hagedon (1973) dan sebagainya lagi.

Leornard (1971), menegaskan bahawa kemiskinan tidaklah merupakan satu fenomena yang timbul secara kebetulan sahaja, tetapi mempunyai hubung kait yang asas dengan struktur sesebuah masyarakat itu, katanya :

'Poverty and other forms of social under-priveleges are not incidental but fundamental to the structure of society.'

(Leornard 1971:2-4)

Jadi, perbezaan struktur yang mana terdapatnya kepelbagaiannya struktur ekonomi, sosial dan politik akan membawa kepada peranan kemasyarakatan yang mana pencapaiannya yang rendah boleh membawa kepada kemiskinan.

Pendekatan-pendekatan yang melihat kemiskinan disebabkan oleh faktur struktural ini dinamakan pendekatan struktural. Faktur terpenting di dalam penguraian masalah kemiskinan ini ialah individu. Hagedon pula menegaskan :

'...individual experiencing in the same 'structure' will behave in the same way. Beside its imputed influence of individual behaviour, it is assumed that certain parts of the structure effect other parts...' (Hagedon 1973:4)

Perkembangan teori-teori adalah lebih giat lagi apabila terdapatnya kajian-kajian yang dilakukan keatas masyarakat tani. C. Davis Fogg misalnya, di dalam kajiannya terhadap pekebun kecil di Timur Nigeria, telah menggariskan beberapa faktur yang dikatakan sebagai penyebab berlakunya ketidak seimbangan pendapatan dikalangan pekebun kecil.

Beliau menyentuh dari segi ekonomi, bahawa faktur modal memainkan peranan penting didalam penentuan pendapatan pekebun kecil. Ini kerana, tanpa modal yang banyak, pekebun kecil tidak akan dapat mempertinggikan

produktiviti hasil tani mereka. Disamping itu juga, keadaan pasaran yang tidak stabil menyulitkan lagi peningkatan tahap hidup pekebun kecil.

Ditambah lagi dari segi sosialnya, sikap takut akan menempuh kegagalan dikalangan pekebun kecil, yang mana kegagalan yang diterima akan berkemungkinan menyulitkan kehidupan dan menjatuhkan maruah masing-masing.

Di Malaysia, Mc Dougall (1970) menyatakan, besar kemungkinan orang Melayu mempunyai pencapaian yang rendah dari bangsa-bangsa lain disebabkan faktur sosialisasi orang Melayu sendiri yang kurang pengalakan untuk mencapai keadaan penghidupan yang tinggi.

Tetapi, kenyataan yang dibuat oleh Mc Dougall itu bole disangkal. Ini dapat dilihat apabila di dalam kajian ekonomi Malaysia, Ungku Aziz mengatakan bahawa kemunduran dikalangan orang-orang Melayu adalah kerana 3 faktur, iaitu :

- 1 - Produktiviti yang rendah
- 2 - Pengeksploitasi
- 3 - Keadaan yang terbiar

Ini digariskan sebagai sebab kemunduran masyarakat desa yang kebanyakannya terdiri dari orang Melayu.

Berbalik kepada pernyataan berkenaan teori yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana barat, teori yang mendapat sambutan diperingkat awalannya ialah pandangan yang dinamakan sebagai teori modenisasi.

Teori ini menegaskan tentang perlunya kepada penggunaan teknologi bagi peningkatan produktiviti barang. Dari sini, teori ini membawa satu pendekatan yang negara mundur akan dapat satu keuntungan dari perkembangan

perindustrian yang pesat, dimana ianya akan dapat dicapai dengan penerimaan teknologi yang dikemukakan oleh pihak barat.

Ini boleh dilihat dari pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Lerner (1958) dan Leornard (1971). Mereka ini menekan tentang proses yang berlaku apabila teknologi-teknologi yang dikemukakan oleh negara industri di pindahkan kepada negara-negara mundur.

Di Malaysia sendiri, idea dari teori ini telah diikuti dengan pesatnya kerana dijangkakan ianya akan dapat memberi faedah yang sewajarnya dari penggunaan teknologi ini.

Petani amnya, telah diperkenalkan dengan sistem pertanian yang menggunakan jenter-jentera moden bagi penambahan hasil pengeluaran. Jentera-jentera bagi pembajakan tanah, pemerosesan bijirin telah diperkenalkan kepada mesin-mesin getah moden dan alatan lainnya. Dijangkakan dan diharapkan petani-petani, termasuk pekebun kecil dapat mendapat manfaat dari penggunaan alatan ini.

Namun begitu, hakikatnya, walau pun begitu banyak teknologi dari segi fizikal mau pun penggunaan bahan kimia yang diperkenalkan oleh I.P.G.M, kehidupan pekebun kecil getah masih lagi ditahap yang rendah. (lihat bab 4)

Ini adalah kerana, walau pun penghasilan getah berkemungkinan akan dapat dipertingkatkan, seperti mana yang diperkatakan oleh C. Davis Fogg, keadaan pasaran yang tidak stabil akan menyulitkan pasaran penghasilan getah yang dikeluarkan. Ini adalah kerana kuasa beli harga bukan terletak kepada negara pengeluar tetapi bergantung kepada pasaran antara bangsa.

Oleh sebab itu, Frank (1970,1971) mengatakan apabila dilihat dari aspek persejarahan, pergantungan negara-negara mundur kepada negara-negara maju adalah dihasilkan dari proses persejarahan yang lampau. Inilah yang menimbulkan kemunduran sesebuah negara itu.

Dari segi persejarahannya, sejak zaman penjajahan hingga membawa kepada keadaan sekarang ini, pemerasan dari penghasilan barang yang dilakukan oleh negara industri kepada negara mundur begitu berleluasa sekali. Tinggal lagi sekarang ini, penindasannya adalah dalam bentuk baru.

Ini adalah kerana bagi negara-negara mundur yang mengeluarkan bahan-bahan mentah, akan menjualnya kepada negara maju akibat ketidak mampuan memproses bahan mentah ini. Negara-negara maju yang mempunyai bahan-bahan teknologi bagi pemerosesan bahan-bahan mentah ini, dengan kemahirannya, akan menjual semula barang yang siap ini kepada negara-negara mundur dengan harga yang ditetapkan oleh negara-negara maju.

Dengan kata lain, pengeluaran dan pembelian barang ini akan ditetapkan oleh negara-negara yang mempunyai kemahiran dan teknologi yang tinggi. Apabila perkara ini dirujukkan kepada pekebun kecil, perkara seperti ini juga terjadi iaitu kuasa beli wang tidak terletak kepada orang-orang yang menjualnya, iaitu pekebun kecil, tetapi terletak kepada orang yang berurus niaga dengan mereka. Ini sering terjadi bila penghasilan getah dipasarkan kepada orang tengah. Sering kali berlaku harga getah 'diturun naikkan' oleh orang tengah.

Tegasnya disini ialah, dengan alat-alat teknologi dan kemahiran kerja yang ada kepada negara-negara yang bergelar kapitalis ini, telah memburukkan lagi keadaan negara-negara mundur yang terlampau bergantung

kepada negara maju.

Oleh itu, sistem pergantungan yang terjadi ini perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya demi menjamin pihak yang punya barang tidak diperas oleh pihak pembeli.

Nota

1 - Lihat Abu Asmara Hj. Mohamad didalam Seminar Mengenai Kemiskinan (I.P.G.M), Alor Setar.

BAB KETIGA

Kawasan kajian - Kati, Kuala Kangsar, Perak

3.1 Pengenalan

Penghuraian berkenaan dengan kadar peringkat yang masih terkebawah pendapatan hidup atau ciri-ciri sosio-ekonomi tidaklah hanya dapat dianalisa dari satu segi sahaja. Aspek-aspek lain, yang mana secara langsung atau tidak langsung, sedikit sebanyak akan berhubung kait antara satu sama lain.

Ini adalah kerana budaya sesuatu bangsa itu adalah saling kait mengait sesama sendiri. Ianya merupakan satu rantaian perhubungan yang mana jika ingin dianalisa sesuatu peringkat rangkaian, tidaklah boleh atau tidak memadai dengan hanya melihat peringkat itu sahaja tapi seharusnya lah meliputi rantaian keseluruhannya.

Apatah lagi didalam pengkajian berkenaan dengan masyarakat luar bandar amnya dan khususnya masyarakat tani. Apabila diperkatakan tentang permasalahan ekonomi masyarakat tani, bukan sahaja aspek ekonomi yang patut disentuh tapi juga perlu dilihat aspek-aspek sosial, budaya, politik dan lain-lain aspek yang ada. Dengan kata lain, perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya kepada keseluruhan aspek kehidupan masyarakat itu.

Untuk penghuraian kawasan kajian, terlebih dahulu akan diberi satu gambaran secara diskriptif akan keadaan masyarakat kampung kajian di mana pengkaji telah memilih kampung ini sebagai asas penyelidikan kepada penerangan mengenai objektif kajian.

3.2 Latar belakang kampung/kawasan kajian

Seperkara yang menarik hati pengkaji tentang kampung Kati, Kuala Kangsar ini ialah tentang kawasan atau lokasi kampung ini. Ini adalah kerana kawasan Kati terletak dikawasan laluan lalu lintas antara perjalanan untuk pergi ke Grik dan Ipoh. Lokasinya adalah lebih kurang 16 km. sebelum sampai ke Kuala Kangsar. Ini strategik dari segi ekonominya.

Keseluruhannya, kawasan ini telah mengalami atau mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sepatutnya seperti bekalan air paip, bekalan elektrik dan sebagainya lagi. Boleh dikatakan semua kampung di dalam kawasan Kati ini mempunyai kemudahan yang sedemikian kecuali kampung Cheh.¹ Semasa pengkajian dibuat, bekalan elektrik belum lagi diterima dikampung ini. Pembelian barang untuk keperluan harian adalah kebiasaan dilakukan dipekan yang berhampiran iaitu pekan Kati, disamping pembelian dikedai-kedai yang terdapat dikampung masing-masing.

Dari segi persejarahannya, perkataan 'Kati' itu adalah terbit atau berasal dari alat menimbang bijih timah. Ini adalah kerana pada suatu ketika dahulu, kawasan kajian ini adalah merupakan kawasan lombong bijih timah. Kesan-kesan perlombongan masih lagi dapat dilihat.

Aktiviti-aktiviti bagi keperluan harian penduduk disini, pada masa lalu bermula daripada bertani dan menternak. Kemudian ianya bertukar kepada kegiatan perlombongan. Pekerjaan ini adalah sebagai 'ambil upah' iaitu sebagai kuli. Ini kerana perusahaan perlombongan pada ketika itu terhad kepada orang-orang Inggeris sahaja. Apabila lombong banyak yang ditutup, maka pekerjaan penduduk disini kembali semula kepada bertani. Ini termasuklah menoreh getah. Pertanian lain yang dilakukan adalah seperti

bersawah padi, bertanam jagung dan sebagainya lagi.

Kegiatan menoreh getah kepada kebanyakkan penduduk disini, adalah merupakan kegiatan utama didalam memenuhi keperluan harian masing-masing. Jadi, turun naik harga getah dan pengeluaran produktiviti getah sudah tentu akan mempengaruhi segala aspek kehidupan penduduk disini.

3.3 Latar belakang masyarakat kajian/responden

Bagi perlaksanaan penyelidikan ini, pengkaji telah memilih sample sebanyak 40 orang. Adalah diharapkan dan dijangkakan sample 40 orang ini akan dapat mewakili penduduk Kati.

Sebelum melihat dengan lebih jauh lagi, perlulah dahulu dilihat akan taburan umur responden yang dikaji.

3.3.1 Taburan umur

Dalam memilih responden, pengkaji telah cuba memilih responden yang dapat mewakili segenap lapisan masyarakat keluarga di Kati. Ini termasuklah dari mereka yang muda hingga kepada mereka yang berumur sedikit. Namun masalahnya di dalam hal ini ialah kebanyakkan pekebun kecil adalah terdiri dari mereka yang telah berumur. Jarang kedapatan pekebun kecil yang muda. Jika ada pun, mereka hanya menjadikan pekerjaan menoreh getah ini sebagai pekerjaan sampingan sahaja.

Taburan umur responden adalah seperti yang terdapat didalam jadual 1

Kumpulan umur (tahun)	Bilangan	Peratusan (%)
kurang 30	1	2.5
31 - 40	4	10
41 - 50	5	12.5
51 - 60	18	45
61 - 70	9	22.5
71 keatas	3	7.5
Jumlah	40	100

Jadual 1

Sumber : Soal selidik

Dilihat daripada taburan umur di atas, didapati bahawa pekebun kecil yang giat menjalankan aktiviti menoreh getah atau yang menjadikan aktiviti menoreh getah itu sebagai sumber utama mata pencarian mereka ialah mereka yang tergolong didalam kumpulan umur 51 - 60 tahun. Terdapat 45% daripadanya giat bekerja sebagai penoreh getah. Sepertimana yang diperkatakan tadi, kebanyakkan mereka menjadikan pekerjaan menoreh getah ini sebagai sumber pendapatan utama mereka adalah kerana kehidupan mereka yang tinggal tetap dan berkeluarga. Satu-satunya pekerjaan yang dapat menjamin keperluan kehidupan harian mereka adalah dari menoreh getah.

Sementara itu, hanya terdapat 2.5% sahaja pekebun kecil yang berumur kurang dari 30 tahun dan 10% pula didalam lingkungan umur 31 - 40 tahun. Ini berkemungkinan adalah kerana umur muda mereka yang membebaskan

mereka daripada tetap kepada sesuatu pekerjaan sahaja. Ini bermaksud mereka yang berumur kurang daripada 30 tahun lebih suka mencari pekerjaan lain selain daripada menoreh getah. Mereka bebas mencari pekerjaan lain selain daripada menoreh getah. Mereka bebas mencari pekerjaan dibandar dan sebagainya. Ditambah lagi mereka tidak lagi berkeluarga. Jadi, untuk tinggal tetap disesuatu tempat dan mempunyai pekerjaan seperti menoreh getah bukanlah merupakan sesuatu yang penting bagi mereka.

Yang menarik perhatian pengkaji ialah kerana terdapat 7.5% pekebun kecil yang berumur 71 tahun keatas masih giat lagi menjalankan pekerjaan menoreh getah. Mereka ini dianggap dan sepatutnya tidak menoreh lagi. Namun begitu, untuk menampung keperluan harian, ianya terpaksa dilakukan juga. Penghasilan yang didapati amatlah berkurang sekali.

3.3.2 Taraf pendidikan

Status pendidikan responden secara keseluruhannya adalah rendah. Majoriti mereka yang ditemui hanya berpendidikan setakat sekolah rendah sahaja. Dengan kata lain, responden yang ditemui hanya berpendidikan diperingkat asas sahaja. Walau pun begitu, didalam pemerhatian pengkaji, terdapat responden yang mempunyai pemikiran yang bijak, tapi akibat dari perekonomian yang rendah dan kurangnya peluang pelajaran pada masa itu, perlanjutan pelajaran keperingkat yang lebih tinggi adalah suatu perkara yang mustahil dapat dilakukan dan dicapai.

Namun begitu, dari segi kemahiran lain seperti pertukangan, perniagaan, terdapat juga responden yang menjalankan aktiviti sebegini. Macam mana pun, ini hanyalah sekadar sampingan untuk menambahkan lagi pendapatan mereka.

3.3.3 Saiz keluarga

Didalam melihat persoalan ini, pengkaji, didalam soal selidik, telah membahagikan saiz keluarga ini kepada 2 bahagian :

- 1 - Saiz keluarga
- 2 - Saiz isi rumah

Yang dimaksudkan dengan saiz keluarga ialah bilangan ahli keluarga yang dikaji, iaitu bilangan ibu bapa dan anak-anak. Sementara saiz isi rumah pula adalah bilangan orang yang tinggal bersama-sama dengan responden yang dikaji. Ini termasuklah anak-anak, cucu, anak saudara, anak angkat dan lain-lain lagi yang tinggal bersama-sama dengan keluarga yang dikaji. Taburan ini dapat dilihat seperti jadual yang berikut :

Saiz keluarqa

Kumpulan bilangan (orang)	Bilangan keluarga	Peratus (%)
1 - 3	4	10
4 - 6	17	42.5
7 - 9	9	22.5
10 - 12	9	22.5
12 keatas	1	2.5
Jumlah	40	100%

Jadual 2

Sumber : Soal selidik

Saiz isi rumah

2

Kumpulan bilangan (orang)	Bilangan keluarga	Peratus (%)
1 - 3	16	40
4 - 6	16	40
7 - 9	5	12.5
10 - 12	3	7.5
12 keatas	-	-
Jumlah	40	100%

Jadual 3

Sumber : Soal selidik

Dilihat kepada jadual diatas, terdapat perbezaan diantara saiz keluarga dan saiz isi rumah. Merujuk pada jadual 1, 10% daripada responden mempunyai atau tergolong didalam kumpulan orang yang mempunyai keluarga tidak lebih daripada 3 orang. Sedangkan, bila dibandingkan dengan jadual 3, terdapat 40% daripada responden yang ditemui mempunyai isi rumah tidak lebih dari 3 orang.

Dan, jika diurutti satu persatu taburan bilangan saiz keluarga dan saiz isi rumah, dilihat satu corak yang berlainan sama sekali. Boleh dilihat bahawa kumpulan bilangan 1 - 3, 4 - 6, 7 - 9 dan seterusnya bagi jadual 2, mempunyai perbezaan dengan kumpulan bilangan 1 - 3, 4 - 6, 7 - 9 dan seterusnya bagi jadual 3. Contohnya dapat dilihat pada kumpulan bilangan 10 - 12. Pada jadual 2, 22.5% menyatakan saiz keluarga atau keahlian keluarganya adalah antara 10 - 12 orang. Sedangkan pada jadual 3 pula, hanya 7.5% yang mempunyai isi rumah 10 - 12 orang.

Ini terjadi adalah kerana saiz keluarga boleh berubah-ubah. Ia boleh menjadi keluarga besar dan sebaliknya. Ini diakibatkan daripada perpindahan ahli keluarga daripada lingkungan keluarga tersebut. Perpindahan dari kelompok itu mungkin akibat daripada perkahwinan dan juga pekerjaan serta tidak tinggal di situ lagi.

Namun demikian, sesuatu yang tidak dapat hendak dinafikan lagi ialah tentang pengamalan sistem kekeluargaan yang bersifat 'extended' atau keluarga besar. Pada masyarakat disini, yang mana majoritinya beragama Islam, berkeluarga besar bukanlah menjadi suatu masalah. Malah ianya merupakan satu rahmat pada mereka. Ini kerana dengan keluarga yang ramai bilangan ahlinya, ianya sudah tentulah akan dapat membantu mereka didalam hal ekonomi dan sosial apabila mereka sudah tua nanti.

Persoalan yang timbul ialah bagaimana hendak ditampung kehidupan seisi rumah yang ramai jika pendapatannya dalam lingkungan \$300/= sebulan ?

3.4 Kegiatan ekonomi

Bagi penduduk di kawasan kajian, aktiviti utamanya didalam penyaraan kehidupan adalah menoreh getah. Walau pun begitu, terdapat aktiviti sampingan lain yang dilakukan. Ini adalah seperti bersawah padi, bercucuk tanam dan ada juga yang menternak binatang. Ini hanyalah sekadar sampingan sahaja. Sumber utamanya adalah menoreh getah.

Di sini pengkaji akan menghuraikan aktiviti tanaman getah penduduk di sini, dari segi penanaman, pasarannya dan segala segi yang meliputi kegiatan menoreh ini.

3.4.1 Menoreh getah

Adalah menjadi suatu kenyataan umum bahawa kegiatan menoreh getah adalah tertakluk kepada keadaan cuaca. Aktiviti penorehan getah kebiasaannya tidak akan dapat disempurnakan genap sebulan. Ini adalah akibat daripada keadaan cuaca yang tidak menentu. Apabila tiba musim hujan, keadaan ini lebih memberi tekanan kepada kehidupan pekebun kecil. Perkara ini sering menjadi penghalang dan sungutan pekebun kecil getah.

Untuk ini pengkaji telah meninjau pendapatan yang diterima oleh pekebun kecil kawasan ini hasil dari tanaman getah. Ianya adalah seperti jadual berikut :

Pendapatan pekebun kecil/responden

\$/bulan	Bilangan	Peratus (%)
kurang 100	2	5
101 - 200	22	55
201 - 300	10	25
301 - 400	5	12.5
401 - 500	1	2.5
500 keatas	-	-
Jumlah	40	100%

Jadual 4

Sumber : Soal selidik

Merujuk kepada jadual 4, didapati 60% daripada pekebun kecil menerima hasil menoreh getah sebulan kurang dari \$200/=. 85% pula berpendapatan kurang dari \$300/= sebulan. Dan hanya 15% sahaja yang berpendapatan \$400 - \$500 sebulan. Ini adalah sesuatu perkara yang amat menyedihkan sekali.

Daripada data pendapatan yang diperolehi itu, beberapa persoalan timbul. Kenapa begitu rendah sekali pendapatan pekebun kecil ? Apa masalahnya ? Adakah pekebun kecil mengambil sikap sambil lewa atau lebih banyak berehat daripada bekerja ?

Pihak RISDA menyatakan bahawa salah satu sebab timbulnya masalah kurangnya hasil pendapatan pekebun kecil adalah kerana 100% pergantungan kepada orang terang.
3

Untuk mencari kebenaran kepada permasalahan ini, pengkaji telah bertanya kepada responden mengenai dengan pemasaran getah mereka. Jawapannya seperti jadual 5 :

3.5 Pasaran jualan getah responden

	Bilangan	Peratus (%)
Peraeh kampung	19	36.0
Pekedai dipekan	17	32.0
Saudagar	2	3.7
Mardec	-	-
RISDA	15	28.3
lain-lain	-	-
Jumlah	53	100%

Jadual 5

Sumber : Soal selidik

Daripada jadual diatas, didapati 36% daripada pekebun kecil menjual hasil getah mereka kepada peraeh kampung, 32% menjual kepada pekedai dipekan dan 28.3% menjualkannya kepada pihak RISDA.

Jadi, kenyataan pihak RISDA bahawa pekebun kecil bergantung kepada orang tengah bagi memasarkan hasil mereka, sedikit sebanyak ada kebenarannya.

3.6 Bentuk jualan getah

Telah menjadi satu pengetahuan umum kepada pekebun kecil bahawa

salah satu bentuk jualan yang akan menghasilkan pendapatan yang berlebihan daripada torehan mereka ialah dengan menjual dalam bentuk getah keping yang diasap. Tetapi dengan mengambil kira keadaan ekonomi pekebun kecil, perkara sebegini tidak dapat dilakukan. Ini kerana untuk membina sebuah rumah asap dengan kos yang tinggi, adalah di luar kemampuan pekebun-pekebun kecil. Untuk ini, mereka beralih kepada pihak RISDA.

Di dalam daerah Kuala Kangsar ini, hanya ada 1 saja rumah asap. Malangnya, rumah asap ini tinggal asap sahaja. Ini kerana ianya telah mengalami satu kebakaran di mana rumah asap ini telah hangus sama sekali. Dan untuk membinanya semula, memerlukan masa dan tenaga yang banyak dari segi fizikal maupun kewangan. Oleh itu perkara kedua yang dapat dilakukan oleh pekebun kecil disini ialah dengan menjual dalam bentuk getah keping.

Pengkaji telah cuba meninjau pendapat pekebun kecil tentang bentuk jualan getah mana yang dirasakan mendatangkan keuntungan kepada pekebun kecil. Ada yang berpendapat iaitu 77.5% dari mereka yang mengatakan bentuk jualan secara getah keping adalah menguntungkan. Sementara 22.5% pula mengatakan getah buku mendatangkan keuntungan.⁴ Terdapat 2 pendapat di sini.

Dari apa yang pengkaji dapati, ada pula responden yang mengatakan bentuk jualan secara getah keping adalah merugikan. Ada pula yang mengatakan harga yang di dapati dari jualan getah keping dan getah buku lebih kurang sama sahaja.

Perbezaan pendapat ini mungkin berpunca daripada persepsi masing-masing. Bergantung dari sudut mana pekebun kecil melihat untung rugi itu.

3.7 Gred Getah

Bagi penduduk di kawasan Kati ini, majoritinya menghasilkan getah keping yang rendah mutunya. Kebiasaan menghasilkan gred 3 dan 4. Tidak kedapatan penghasilan gred getah 1 dan 2.

Kemungkinan dari sini timbulnya apa yang dikatakan sebagai 'untung rugi' dipihak pekebun kecil (lihat m/s sebelah). Mereka bukan melihat 'untung rugi' ini dari segi gred getahnya, tetapi melihat perkara ini dari segi harga bayaran yang boleh didapati.

Dan ditambah lagi, jika membuat getah keping, perlu masa yang lama untuk memprosesnya. Perlu menunggu supaya getah itu dibekukan, digelek oleh mesin dan disidai kering. Ini semua memakan masa. Dari segi masanya, ia memakan masa 3 hingga ke 5 jam. Jika bermula dari waktu pagi subuh, kemungkinan tengah hari baru siap memproses getah keping. Sedangkan hasil yang didapati tidak sebanyak mana. (lihat m/s sebelah)

Keuntungan dari segi getah buku mungkin timbul apabila pekebun kecil mengambil kira masa untuk membuatnya. Jika getah keping, masa untuk memprosesnya adalah lama, memakan masa juga, sedangkan sebagai masyarakat kampung, keperluan-keperluan dari segi sosial tidaklah boleh diabaikan begitu sahaja. Ini jika ada majlis-majlis seperti kenduri kahwin dan sebagainya. Semangat gotong royong itu masih ada kekal lagi.

Untung rugi ini juga mungkin kerana gred getah yang diperolehi dari getah keping adalah rendah sekali. Misalnya, katakanlah harga getah buku \$1/= sekilo, harga getah keping \$1.65 sen - \$1.70 sen sekilo. Umpamakan getah keping dapat 10 kilo, dapatlah \$17/=. Kalau buat getah buku, dapat 20-25 kilo, jadi lebih kurang sama sajalah. Sedangkan

pembuatan getah buku adalah lebih mudah. Ini bermungkinan juga jika dilihat dari segi mutunya, di mana gred yang rendah, harganya pun rendah.

3.4.2 Usia tanaman getah yang ditoreh

Untuk pengeluaran hasil getah yang produktif, keperluan utamanya ialah pokok getah yang ditoreh itu mestilah mampu mengeluarkan susu getah yang banyak. Menyedari hakikat ini, RISDA telah memperkenalkan benih getah yang dipanggil tunggul maxi dan tunggul lily. Dengan penggunaan benih ini, pokok getah dapat ditoreh dengan lebih awal lagi daripada kebiasaannya dan penghasilannya pun lebih menggalakkan.

Pengenalan penggalak susu iaitu 'ethrel' memberikan satu lagi cara kepada pekebun kecil menghasilkan susu getah yang lebih banyak. Pihak IPGM sendiri telah berusaha menghasilkan baka-baka getah baru yang lebih baik melalui penyelidikan yang dilakukan. Penyelidikan yang dilakukan oleh sepasukan pegawai penyelidik dari IPGM keatas beratus-ratus pokok getah dihutan Amazon, Amerika Selatan telah berjaya memberikan penghasilan yang mengagumkan. Ini kerana selain daripada kebolehan pertambahan susu getah sehingga lebih 30%, ianya juga berjaya menyingkatkan tempuh 'jangka muda'
⁵ pokok getah dari 7 tahun kepada 4 1/2 tahun.

Kebiasaannya, umur getah yang dikatakan tidak begitu produktif ialah lebih kurang 18 tahun. Sebaik-baiknya, selepas pokok getah mencapai tahap umur ini, ianya haruslah ditebang dan digantikan dengan tanaman yang baru.

Sebelum melanjutkan lagi hal ini, diperturunkan terlebih dahulu usia pokok getah yang ditoreh oleh pekebun kecil dikawasan kajian :

Kumpulan pokok (tahun)	Bilangan (orang)	Peratus (%)
kurang 3	2	5
4 - 6	2	5
7 - 9	2	5
10 - 12	2	5
13 - 15	5	11
16 - 18	2	5
19 - 21	11	26
22 - 24	9	21
25 keatas	7	17
Jumlah	42	100%

Jadual 6

Sumber : Soal selidik

Daripada data yang diterima, 26% daripada responden menoreh getah yang berusia dalam lingkungan umur 19-21 tahun. Malah lebih kurang 38% menoreh pokok getah yang berusia lebih 20 tahun. Hanya 11% sahaja yang menoreh getah dalam lingkungan yang produktif iaitu didalam lingkungan pokok getah yang boleh mendatangkan penghasilan susu yang banyak.

Dari maklumat yang pengkaji perolehi dari responden, ini terjadi bukanlah kerana ketidak mahuan responden bertanam semula, tapi lebih dipengaruhi oleh kewangan responden sendiri. Ini kerana untuk menanam semula memerlukan kewangan yang banyak. Walaupun pihak RISDA ada

menyediakan bantuan tanam semula (Lihat Bab 5), sebelum menerima bantuan itu, pekebun kecil perlu mencagarkan gran tanah dan mematuhi beberapa syarat tertentu. Perjalanan birokrasi yang mana perlu bagi pihak RISDA, adalah sangat 'rigid' bagi pekebun kecil.

3.4.3 Keluasan tanaman yang dimiliki/ditoreh (getah sahaja)

Keluasan tanah tani yang dimiliki adalah juga merupakan faktor yang menyebabkan mengapa berkurangannya hasil keluaran yang produktif. Ini, untuk penghasilan susu getah yang banyak, perlu ada satu keseimbangan diantara pokok yang ditoreh dan hasil yang didapati darinya.

Keluasan tanaman getah yang ditoreh atau yang dimiliki oleh responden adalah seperti didalam jadual 7 :

Ekar	Sendiri	(%)	Bahagi dua	(%)	Pajak	(%)	Sewa kepada	(%)
kurang 1	-		-		-		-	
1 - 2	8	18	1	2	-		1	2
3 - 5	19	43	6	14	2	4	-	
6 - 8	4	9	-		-		-	
9 - 11	2	4	-		-		-	
12 - 14	-		-		-		-	
15 - 17	-		-		-		-	
18 - 20	1	2	-		-		-	
21 keatas	-		-		-		-	
Jumlah	34	78%	7	16%	2	4%	1	2%

Jadual 7

Sumber : Soal selidik

Kebanyakkan responden memiliki atau menoreh getah dalam lingkungan 3 - 5 ekar. Cuma 2% sahaja yang menoreh didalam lingkungan keluasan 18 - 20 ekar. Bagi 18% yang menoreh didalam keluasan 1 - 2 ekar ini tentulah akan menerima pendapatan yang kurang. Ditambah pula jika hasil tahanan itu terpaksa dibahagi dua iaitu wang hasil terpaksa dibahagi dua dengan yang empunya pokok getah.

Kesimpulan yang dapat diambil dari sini ialah peningkatan hasil tahanan, dengan keadaan tanah yang kurang ekonomik dan keluasan kebun yang kecil, hanya akan ditingkatkan sekiranya mengikut amalan penjagaan, pengurusan seperti yang dianjurkan oleh pihak RISDA. Satu keadaan cara yang sistematik sahaja akan dapat membantu pekebun kecil mendapatkan penghasilan yang baik.

3.8 Status teknologi getah dan perkhidmatan pengembangan

Pihak yang bertanggung jawab didalam pembangunan dan kemajuan pekebun kecil telah pun menjelaskan bentuk-bentuk perkhidmatan dan teknologi yang diperkenalkan untuk membantu pekebun kecil didalam sosio-ekonomi mereka (Lihat Bab 5). Namun perlaksanaannya tidaklah diketahui lagi kepesatannya. Untuk ini, pengkaji telah meninjau akan perkhidmatan sokongan dan pengembangan yang diterima oleh pihak pekebun kecil daripada RISDA khasnya dan agensi-agensi yang berkaitan. Maklumat yang diterima ini adalah dari pekebun kecil sendiri.

Daripada jadual 8, didapati pada keseluruhannya dari segi bantuan racun, pasaran, klon getah dan lain-lain lagi, pekebun kecil telah, walau pun tidak banyak, menerima status perkhidmatan yang memuaskan. Namun demikian, peratus yang menerima perkhidmatan ini tidaklah boleh

Agensi	Kewangan	(%)	Klon getah/ B. tanaman	(%)	Racun rumpai	(%)	Racun serangga	(%)	Pemasaran	(%)	Dividen	(%)
RISDA	9	22.5	22	55	23	57.5	23	57.5	16	40	-	
Jabatan Pertanian	-		5	12.5	1	2.5	1	2.5	-	-	-	
Koperasi	-		-		-		-		3	7.5	11	27.5
Bank Pertanian	1	2.5	-		-		-		-	-	-	

JADUAL 8

Sumber : Soal selidik

Agensi	Melawat rumah	(%)	Melawat kebun	(%)	Memberi nasihat	(%)	Pendidikan /Latihan	(%)	Melawat lain tempat	(%)
RISDA	8	20	12	30	14	35	14	35	12	30
Jabatan Pertanian	2	5	5	12.5	4	10	-		3	7.5

JADUAL 9

Sumber : Soal selidik

dibanggakan. Ini kerana ianya masih kurang lagi daripada objektifnya mempertingkatkan kemajuan seluruh sektor pekebun kecil.

Untuk jadual 9, pengkaji dalam meminta pandangan pekebun kecil, telah bertanyakan samada dalam masa 6 bulan yang lepas ada menerima perkhidmatan seperti didalam jadual. 20% mengatakan ada pegawai RISDA yang melawat kerumah, 30% mengatakan melawat kekebun, 35% mengatakan menerima khidmat nasihat dan latihan dan 30% mengatakan ada menerima perkhidmatan lainnya.

Di sini, dapatlah diambil kesimpulan bahawa pihak RISDA ada menjalankan aktiviti pengembangan, tinggal lagi kegiatan itu tidak dilakukan dengan begitu menyeluruh. Ini ternyata kerana tidak pun sampai 50% responden yang menerima khidmat pengembangan ini.

Bagi agensi-agensi yang berkaitan dengan hal ehwal pekebun kecil seperti Jabatan Pertanian, Bank Pertanian dan sebagainya, kurangnya perkhidmatan yang diberikan adalah di jangka. Ini adalah kerana ianya merupakan agensi sekunder. Keutamaan adalah RISDA.

Jadi dapat dilihat disini, terdapat satu macam ketidak sungguhan dipihak-pihak yang bertanggung jawab di dalam pengendalian hal ehwal pekebun kecil di dalam menjalankan kegiatan utama mereka. Khidmat lanjutan yang diberikan adalah tidak begitu bersungguh-sungguh dan menyeluruh.

3.9 Pengetahuan tentang pengawalan dan penggunaan racun rumpai

Pengetahuan tentang cara-cara pengawalan rumpai dan penggunaan racun rumpai adalah merupakan sesuatu yang harus difahami oleh pekebun kecil secara terperinci. Ianya bukan sahaja penting dari segi tanaman

pokok getah, malah berkepentingan juga pada diri pekebun dari segi kesihatannya.

61% responden yang ditemui mengawal rumpai secara sepanjang barisan, 22% mengawal secara menyeluruh kebun getah dan 17% lagi tidak membuat sebarang kawalan. Cara pengawalan ini adalah penting kerana tanpa sebarang kawalan yang sistematik, ianya akan memberi kesan keatas kesuburan tanah dan pokok getah yang ditoreh.

Urutan dari itu, 22% mengawal rumpai sekali setahun, 36% membuat kawalan 2 kali setahun, 14% 3 kali setahun, 5% melakukan kawalan 4 kali setahun, 7% pula membuat kawalan bergantung kepada keadaan dan selebihnya iaitu 15% tiada membuat sebarang kawalan. Ini dapat dilihat seperti jadual 10.

Kawalan rumpai yang dilakukan setahun

/ tahun	Bilangan	Peratus (%)
1	9	22
2	15	37
3	6	14
4	2	5
5	-	-
tiada kawalan	6	15
bergantung kepada keadaan	3	7
Jumlah	41	100%

Jadual 10

Sumber : Soal selidik

pokok getah, malah berkepentingan juga pada diri pekebun dari segi kesihatannya.

61% responden yang ditemui mengawal rumpai secara sepanjang barisan, 22% mengawal secara menyeluruh kebun getah dan 17% lagi tidak membuat sebarang kawalan. Cara pengawalan ini adalah penting kerana tanpa sebarang kawalan yang sistematik, ianya akan memberi kesan keatas kesuburan tanah dan pokok getah yang ditoreh.

Urutan dari itu, 22% mengawal rumpai sekali setahun, 36% membuat kawalan 2 kali setahun, 14% 3 kali setahun, 5% melakukan kawalan 4 kali setahun, 7% pula membuat kawalan bergantung kepada keadaan dan selebihnya iaitu 15% tiada membuat sebarang kawalan. Ini dapat dilihat seperti jadual 10.

Kawalan rumpai yang dilakukan setahun

-/ tahun	Bilangan	Peratus (%)
1	9	22
2	15	37
3	6	14
4	2	5
5	-	-
tiada kawalan	6	15
bergantung kepada keadaan	3	7
Jumlah	41	100%

Jadual 10

Sumber : Soal selidik

Terdapat satu keadaan didalam kawalan rumpai yang dilakukan dimana peratusan yang tidak membuat kawalan rumpai masih tinggi lagi. Bagaimana pula dengan penggunaan racun rumpai ?

Didalam melakukan pengawalan rumpai, sudah tentulah akan menggunakan racun rumpai untuk memastikan semak samun dapat dihapuskan dengan sebaik-baiknya. Untuk ini, perlu ada sukatan yang betul untuk keberkesanan penggunaannya. Jenis-jenis racun rumpai juga adalah perlu diketahui agar tidak nanti ianya membahayakan kesihatan.

Apa yang didapati, 60% dari responden tidak tahu mengenai kadar racun yang sepatutnya bagi seekar tanaman. Dan 40% yang selebihnya mengetahui tentang kadar racun bagi seekar hanyalah berdasarkan pengalaman sendiri dan maklumat dari botol racun rumpai.⁷ Ini adalah satu pengawalan racun rumpai yang tidak bersistematis.

Kesimpulan

Dilihat dari segi keadaan sosio-ekonomi pekebun kecil dikawasan kajian, daripada data-data yang diperolehi, keadaannya masih lagi tidak begitu berkembang seperti mana yang sepatutnya. Dengan saranan-saranan supaya dimajukan sektor luar bandar oleh pihak kerajaan, keadaan sebegini sepatutnya tidak berlaku lagi.

Yang pastinya, tahap kemiskinan dikalangan penduduk disini masih lagi berada ditahap yang membimbangkan. Terdapat pihak yang mendakwa kepesatan pembangunan sesuatu kawasan itu terbantut adalah diakibatkan keadaan sikap masyarakat disitu. Sejauh mana kebenaran kenyataan ini, tidaklah dapat dirumuskan dengan penglihatan kasar sahaja. Rumusan terhadapnya akan dilakukan nanti.

Nota

- 1 - Kawasan Kati adalah terdiri daripada 14 buah kampung. Nama-nama kampung yang terdapat dikawasan Kati ialah seperti berikut :
 - Kampung Chuar
 - Kampung Terap
 - Kampung Kuala Terap
 - Kampung Changkat Payung
 - Kampung Tiang
 - Kampung Bendang Ujip
 - Kampung Padang Lalang
 - Kampung Berala
 - Kampung Cheh
 - Kampung Maran
 - Kampung Kampar
 - Kampung Dangla
- 2 - Ianya juga membawa maksud tanggungan
- 3 - Lihat bab 5
- 4 - Sumber : Soal selidik
- 5 - Berita Harian 30.9.1987 muka surat 6
- 6 - Sumber : Soal selidik
- 7 - Ibid

BAB EMPAT

4.1 Keluasan tanah tanaman selain daripada tanah tanaman getah yang dimiliki/dikerjakan

Selain menjalankan aktiviti penorehan getah sebagai sumber utama pendapatan penduduk disini, pekebun kecil didapati menjalankan juga aktiviti sampingan bagi menampung tanggungan hidup masing-masing. Aktiviti sampingan ini adalah seperti bertukang kayu, bersawah padi, mengambil upah memotong rumput dan sebagainya lagi.

Sebelum itu, adalah perlu diperjelas bahawa kesemua responden yang dikaji adalah mempunyai tanah untuk kegiatan bercucuk tanam atau bersawah padi secara keseluruhannya. Ada sebilangan responden yang mempunyai tanah sawah dan ada sebilangan pula yang mempunyai tanah dusun. Dan ada juga yang mempunyai tanah dusun dan sawah kedua-duanya.

Dari sini, ianya menunjukkan bahawa, dengan tanah yang dimiliki, pekebun kecil boleh menjalankan aktiviti perekonomian selain dari getah bagi menambah sumber pendapatan masing-masing.

Bagi yang menjalankan aktiviti bersawah padi, ini lebih merupakan kegiatan untuk kegunaan sendiri bukan untuk pasaran. Kebanyakkan yang memiliki petak-petak sawah padi adalah diwarisi turun temurun. Namun demikian, tidak semua responden mempunyai petak-petak sawah padi. Mereka ini terpaksa mencari pekerjaan sampingan lain yang boleh menambahkan pendapatan masing-masing.

Selain daripada tanah untuk bersawah padi, terdapat juga tanah dusun yang boleh mendatangkan hasil sampingan kepada pekebun-pekebun kecil.

Tanah-tanah dusun ini ditanami dengan buah-buahan seperti rambutan, langsat, durian dan sebagainya. Tetapi hasil yang didapati darinya adalah bergantung kepada musim, tidak sepanjang tahun.

Kebiasaan tanah dusun ini dikongsi bersama dengan ahli keluarga masing-masing. Jadi, hasil yang didapati daripada tanah dusun ini akan dibahagikan sama rata didalam lingkungan keluarga tersebut.

Berikut adalah keluasan tanaman sawah padi dan dusun responden.

Padi

Ekar	Bilangan	Peratus
Tidak punyai tanah padi	17	42.5
kurang 1	8	20
1 - 2	14	35
3 - 5	1	2.5
6 - 8	-	-
Jumlah	40	100%

Jadual 11

Sumber : Soal Selidik

Dusun

Ekar	Bilangan	Peratus
Tidak punyai tanah dusun	17	42.5
kurang 1	6	15
1 - 2	17	42.5

3 - 5	-	-
Jumlah	40	100%

Jadual 12

Sumber : Soal Selidik

Daripada 40 responden yang ditemui, 23 responden sahaja yang mempunyai tanah padi dan dusun. Ini membawa kepada 57.5% responden atau pekebun kecil yang dapat menambahkan atau sekurang-kurangnya dapat meringankan sedikit kehidupan harian mereka. Selebihnya, iaitu 42.5% pula terpaksa menjalankan aktiviti lain dan ada pula setengahnya yang hanya bergantung 100% kepada hasil torehan getah masing-masing. Mereka-mereka ini kebiasaananya sudah berumur sedikit dan tidak mampu menjalankan pekerjaan lain.

Dilihat kepada jadual 11 iaitu bagi tanah sawah padi, tiada responden yang mempunyai keluasan tanah melebihi 6 ekar. Kebanyakannya iaitu 35% mempunyai keluasan tanah sawah dalam lingkungan 1 - 2 ekar sahaja. Cuma 2.5% sahaja yang mempunyai tanah berkeluasan lebih 2 ekar. Untuk menjalankan atau mengerjakan tanah sawah ini bagi tujuan 'commercial' atau 'perdagangan', untuk jualan, adalah tidak praktikal. Jadi, hasil yang didapati hanyalah untuk kegunaan sendiri sahaja. Aktiviti bersawah padi ini kebiasaananya adalah terhad kepada lingkungan keluarga sendiri.

Begitu juga apabila diperhatikan kepada jadual 12 iaitu bagi tanah dusun. Kebanyakkan daripada responden iaitu 42.5% mempunyai keluasan tanah dusun dalam lingkungan 1 - 2 ekar. 15% responden pula berkeluasan tanah kurang dari 1 ekar. Apabila tiba musim buah-buahan, pekebun kecil akan dapat menikmati nikmat hasil jualan buahan ini. Terutama sekali apabila tiba musim durian. Namun begitu, disebabkan ada tanah dusun yang

dimiliki bersama dengan ahli keluarga yang lain, hasil yang didapati dari jualan buah-buahan ini akan dibahagi sama rata.

Jadi, apa yang dapat dilihat disini ialah, dengan keluasan tanah tanaman yang terhad, pekebun kecil hanya akan dapat menambahkan sedikit lagi pendapatan mereka untuk kegunaan sehari-harian. Malah, jika hasil tanaman yang diusahakan tidak 'menjadi', kehidupan mereka akan lebih tertekan lagi.

4.2 Pendapatan Keseluruhan

Bagi melihat akan tahap kemiskinan serta paras ekonomi seseorang atau sesebuah masyarakat itu, perlulah terlebih dahulu dilihat secara keseluruhannya akan sumber pendapatan yang diperolehi.

Untuk melihat perekonomian pekebun kecil iaitu dari segi pendapatannya, tidaklah memadai dengan hanya melihat hasil pendapatan yang diperolehi daripada menoreh getah sahaja. Ini kerana pekebun kecil sendiri didalam arah untuk menampung kehidupan mereka, telah melakukan pekerjaan sampingan yang lain. Pekerjaan-pekerjaan sampingan ini adalah seperti mengambil upah memotong rumput, bercucuk tanam dan lain-lain pekerjaan lagi. Terdapat juga pekebun kecil yang menerima hantaran kewangan dari anak-anak mereka. Bagaimanapun, keadaan sebegini ada kalanya tidak menentu. Begitu juga apabila tibanya musim buah-buahan seperti buah rambutan, durian dan sebagainya. Semuanya ini memberikan mereka alternatif lain selain dari menoreh getah bagi mendapatkan sumber pendapatan sampingan untuk menampung keperluan harian.

Tetapi perlulah juga diingatkan bahawa pendapatan dari sumber sampingan ini adalah tidak menentu. Ini adalah kerana iaanya bergantung kepada keadaan dan keperluan dimasa-masa tertentu.

Berikut adalah pendapatan keseluruhan responden atau pekebun kecil yang ditemui secara puratanya :-

\$/bulan	Bilangan	Peratus (%)
kurang 100	1	2.5
101 - 200	11	27.5
201 - 300	9	22.5
301 - 400	5	12.5
401 - 500	5	12.5
501 ke atas	9	22.5
Jumlah	40	100%

Jadual 13

Sumber : Soal Selidik

Apabila dilihat kepada jumlah keseluruhan pendapatan pekebun kecil iaitu hasil dari torehan dan hasil sampingan-sampingan lainnya, dapat diambil kesimpulan, pekebun kecil atau pun responden adalah masih didalam lingkungan berpendapatan rendah. Walaupun terdapat perbezaan yang jelas jika dilihat dan dibandingkan dengan jadual 4. Di jadual 4, tidak ada responden yang berpendapatan lebih dari \$500/= sebulan. Sedangkan di jadual 13, terdapat 22.5% pekebun kecil yang berpendapatan melebihi \$500/= sebulan.

Dan dilihat juga kepada jadual 13 diatas, didapati 52.5% responden berpendapatan kurang dari \$300/= sebulan. Sedangkan dijadual 4, responden yang berpendapatan kurang dari \$300/= sebulan adalah 85%. Ini merupakan perbezaan 32.5%. Satu jurang perbezaan yang besar juga.

Apabila dibandingkan pula dengan jadual 2 dan 3 di bab 3, iaitu jadual saiz keluarga dan saiz isi rumah, akan didapati tingkat tahap kemiskinan para pekebun kecil atau responden.

Didapati, dengan merujuk kepada jadual 3, 20% daripada responden terpaksa menanggung atau memberi keperluan asas kepada ahli keluarganya yang terdiri didalam lingkungan kumpulan 7 - 12 orang. Ini merupakan satu tanggung jawab yang besar dan perlu, mahu tidak mahu, ditunaikan oleh pekebun kecil. Sedangkan kebanyakkan pekebun kecil adalah berpendapatan kurang dari \$400/= sebulan. Hanya sebilangan kecil sahaja yang berpendapatan melebihi \$500/= sebulan. Ini pun tidak menentu pendapatannya. Apa yang jelas ialah, dengan tanggungan yang ramai, tahap kehidupan pekebun kecil adalah ditahap yang rendah. Pekebun kecil belum lagi dapat melepaskan diri dari keadaan begini.

Namun begitu, pekebun kecil yang ditemui tidaklah merungut diatas tanggungan yang ramai ini. Ini adalah kerana, sebagai seorang Islam mereka percaya bahawa setiap orang itu ada rezekinya masing-masing. Oleh itu, mereka terpaksalah cuba mempelbagaikan kegiatan ekonomi mereka untuk menampung kehidupan masing-masing.

Jadi, di sini dapat diambil kesimpulan bahawa hanya dengan kepelbagaian sumber-sumber perekonomian bagi menampung kehidupan sahajalah yang membolehkan pekebun kecil mempertingkatkan tahap kehidupannya.

Bagi diri pekebun kecil, sumber-sumber sampingan ini amatlah penting bagi menampung kehidupan keluarga masing-masing. Ini bermakna, pendapatan yang didapati dari sumber-sumber sampingan ini adalah untuk melengkapkan perbelanjaan tanggungan hidup masing-masing. Pendapatan ini bukan bermakna kehidupan keluarga pekebun kecil adalah ditahap yang mewah. Dan perlu juga diingat, bahawa pekerjaan sampingan yang dilakukan adalah bergantung kepada sesuatu masa itu. Faktor cuaca, musim dan lain-lain lagi perlu diambil kira hanya tidak menentu.

4.3 Batasan Halangan Pembangunan Tahap Kehidupan Pekebun Kecil Getah

Kesulitan-kesulitan serta masalah-masalah pasti akan timbul apabila memperkenalkan pembangunan ekonomi kepada masyarakat yang mana sejak dari dulu lagi berada di dalam keadaan tahap perekonomian yang rendah dan statik. Ini kerana keperluan kepada perubahan terhadap kepercayaan, tabiat-tabiat dan institusi-institusi yang telah sedia ada. Walau pun perubahan cara menilai, tabiat-tabiat ini akan berlaku juga akhirnya, namun ianya pasti saja tidak akan dapat dihapuskan secara keseluruhannya.

Sering kali, apabila cuba untuk mencari satu jawapan yang tepat terhadap halangan pembangunan petani, anak panahnya akan menunjuk kepada petani itu sendiri. Dengan kata lain, kurangnya kepesatan pembangunan sesuatu masyarakat itu baik dari segi politik, sosial, ekonomi adalah dikatakan bersebab dari diri masyarakat itu sendiri.

Pihak RISDA sendiri di dalam mengenal pasti akan permasalahan pihak pekebun kecil dan faktor kepada timbulnya permasalahan ini, telah menyatakan bahawa ianya adalah disebabkan oleh sikap pekebun kecil itu

sendiri (lihat Bab 5). Pekebun kecil dikatakan tidak mahu menerima perubahan-perubahan dan penggunaan teknologi moden untuk kebaikan mereka sendiri. Malah kedapatan juga sungutan dari pihak-pihak agensi ini bahawa apa yang didapati hanyalah sungutan-sungutan ketidak puasan hati penduduk dikawasan yang ingin dibangunkan.

Dapatlah disimpulkan bahawa apa yang cuba hendak dikatakan oleh pihak agensi-agensi yang dipertanggung jawabkan didalam hal ehwal kumpulan sasarannya ialah segala permasalahan dan kurangnya kepesatan sosio-ekonomi yang ada, adalah berpunca dari sifat negatif dan sikap tradisional yang masih ada pada pemikiran masyarakat itu sendiri.

Didalam hal ini, akan dilihat sejauh mana kebenaran kenyataan atau statement ini. Pemerhatian dari seluruh aspek adalah perlu dari kedua belah pihak. Sikap pekebun kecil di daerah kajian ini akan dilihat untuk memastikan punca halangan kurang pesatnya pembangunan dan sosio-ekonomi pekebun kecil getah kawasan ini. Dan yang pentingnya ialah untuk melihat samada sememangnya 'sikap' itu adalah faktor yang penting ke arah sesuatu pembangunan tertentu.

4.3.1 Pemasaran Hasil Getah

Dari segi pemasaran hasil getah pekebun kecil, RISDA telah memainkan peranan memasuki pasaran jual beli getah keping sahaja (lihat bab 5). Sedangkan bagi pihak pekebun kecil, ada sebilangan dari mereka yang menjual getah didalam bentuk getah buku. 70% dari pekebun kecil dikawasan kajian menjual hasil getah mereka dalam bentuk getah buku.

Dari pernyataan yang dikeluarkan oleh pihak RISDA, penjualan secara getah buku tidak akan mendatangkan pendapatan yang tinggi berbanding dengan getah keping. Namun, penjualan dalam bentuk getah buku ini adalah perlu bagi pihak pekebun kecil bukan kerana mereka tidak mahu menjualnya dalam bentuk getah keping - yang mana menawarkan harga yang lebih sedikit - tetapi adalah kerana disebabkan keperluan mereka kepada punca kewangan bagi menampung kehidupan sehari-hari.¹

Dan lagi, bagi pembuatan getah keping, ia hanya memerlukan masa, tenaga dan kos pengeluaran yang tinggi. Sedangkan jika jualan adalah dalam bentuk getah buku, ia hanya akan dapat menjimatkan tenaga dan kos. Ditambah lagi, pekerjaan membuat getah buku adalah lebih mudah.

Lagi pun, perbandingan dengan harga jualan getah buku dan harga jualan getah keping adalah lebih kurang sama. Misalnya, katakan getah buku adalah \$1/= sekilo. Getah keping pula \$1.68 sen atau \$1.70 sen sekilo. Jika dibuat getah keping 10 kilo, pekebun kecil boleh mendapat \$17/= setiap penjualannya. Jika membuat getah buku, pekebun kecil boleh mendapat 20 - 25 kilo. Hasil yang boleh diperolehi adalah lebih kurang \$20/= setiap jualan. Ianya lebih kurang sama. Ini apabila didasarkan kepada bentuk getah keping jualan pekebun kecil dikawasan ini yang menghasilkan mutu keluaran yang rendah. Mereka merasakan lebih baik jika mengeluarkan getah buku.

Dan, disebabkan RISDA hanya membeli getah keping sahaja, pekebun kecil telah terpaksa menjualkan hasil getah buku mereka kepada orang tengah. Oleh kerana ini, pihak RISDA telah menganggap bahawa timbulnya masalah terhadap diri pekebun kecil adalah kerana pekebun kecil sendiri terlalu bergantung atau 100% bergantung kepada orang tengah (lihat Bab 5). Kenyataan ini tidaklah begitu tepat.

Sebenarnya, pekebun kecil tidak mempunyai alternatif atau pilihan lain selain dari menjual hasil getah buku mereka kepada orang tengah. Jika dilihat kepada jadual 5 di bab 3, didapati bahawa 28% pekebun kecil yang ditemui menjualkan hasil getah mereka kepada pihak RISDA. Ini menunjukkan bahawa pekebun kecil ada menjualkan hasil mereka kepada pihak RISDA jika pihak RISDA ada membelinya. Malah, pengkaji dapati pekebun kecil lebih suka memasarkan jualan mereka kepada pihak RISDA. Tetapi disebabkan pihak RISDA hanya membeli getah keping sahaja dan ketiadaan alternatif selain dari orang tengah, pekebun kecil terpaksa bergantung kepada orang yang mahu membeli hasil getah mereka.

Dengan cara yang sebegini, pekebun kecil akan sentiasa berinteraksi dengan orang tengah. Dan orang tengah pula akan menggunakan peluang sebegini untuk memberi kemudahan seperti pinjaman kewangan dan sebagainya kepada pekebun kecil. Ini akan menyebabkan pekebun kecil terikat untuk menjualkan hasil getah mereka kepada orang tengah. Perkara seperti ini sudah pastinya akan berlanjutan dan sudah tentunya pekebun kecil akan terdedah dan terikat kepada kemahuan dan kepentingan orang tengah.

Pengkaji yakin, sekiranya pihak RISDA selain dari membeli getah keping, membeli juga getah buku dari pekebun kecil, sudah tentulah pekebun kecil akan menjualnya kepada pihak RISDA. Ini secara tidak langsung akan dapat menghindarkan pekebun kecil daripada terdedah kepada kenakalan orang tengah didalam tawaran harga semasa jual beli getah. Ini kerana pekebun kecil akan terpaksa menerima harga tawaran pembelian orang tengah ini. Dengan kata lain, kuasa penawaran jual beli getah tidak terletak kepada tuan punya getah, tetapi terletak ditangan orang yang membeli getah. Pekebun kecil, dari segi penawaran harga jual beli, akan dapat

dieksplotasikan sepenuhnya oleh pihak pembeli. Pekebun kecil terpaksa menerima sebarang harga yang ditetapkan. Mereka tiada pilihan. Lanjutan dari sini, akan terjadilah pengeksplotasian yang hanya akan menguntungkan orang tengah. Perkara ini diperincangkan pada bahagian 4.3.2.

4.3.2 Eksplotasi

Rungutan-rungutan terhadap pengeksplotasian orang-orang tengah dari segi harga yang ditawarkan sering kedapatan dikalangan pekebun kecil. Bagi mereka, tiada gunanya mereka berpenat lelah menambahkan lagi masa kerja sedangkan harga yang diberi tidak seimbang dengan tenaga yang dicurahkan. Ini akan membawa kesan dan akibat terhadap keseluruhan usaha-usaha pembangunan mental dan perubahan sikap pekebun-pekebun kecil yang diusahakan oleh pegawai-pegawai dari agensi-agensi pembangunan kerajaan disektor tersebut khasnya RISDA.

Ini kerana, sebagaimana kebiasaan dalam segala usaha pembangunan manusia dan masyarakat bahawa anggota sesuatu masyarakat akan mudah menyedari dan mengikuti aliran pembangunan andainya mereka dengan mudah dapat memahami dan mengecap nikmat dari usaha-usaha pembangunan tersebut.

Pekebun-pekebun kecil getah bukanlah tergolong dikalangan mereka yang jahil walaupun mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Mereka tahu bila berlaku sebarang penyelewengan harga. Mereka mempunyai cara yang tersendiri. Kefahaman mereka didalam hal ini dapat mereka teliti bila membandingkan apa yang mereka dapat dengan apa yang orang lain dapat dari mendagangkan hasil jualan mereka. Namun, mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka tiada pilihan lain.

4.3.3 Tanaman Semula Getah

Bagi penghasilan keluaran getah yang produktif, pokok getah yang ditoreh mestilah dari benih getah yang baik. Malangnya, bagi pekebun kecil di kawasan Kati ini, 64% dari pekebun kecil menoreh pokok getah yang telah melebihi usia 14 tahun. Jadi, tidak hairanlah jika pendapatan yang diterima adalah rendah. Ini kerana, pokok getah yang telah tua tidak akan dapat mengeluarkan susu getah yang banyak. Mutu getah yang dihasilkan juga tidak akan tinggi.

Oleh itu, pihak pekebun kecil perlulah mengadakan tanaman semula getah untuk menggantikan pokok-pokok getah yang sudah tua. 47.5% daripada responden yang ditemui mengatakan mereka ada menjalankan tanaman semula getah. 52.5% lagi tidak pernah menjalankan tanaman semula getah. Angka 52.5% yang didapati bagi mereka yang tidak pernah bertanam semula getah boleh dikatakan tinggi. Untuk ini, RISDA telah mengemas kinikan tanaman semula getah dengan mengadakan projek tanam semula kadar baru (lihat Bab 5). Dijangkakan dari sini, dengan adanya projek tanam semula kadar baru ini, sebarang kekurangan punca kewangan yang menghindarkan pekebun kecil untuk bercucuk tanam akan dapat diatasi.

Tetapi, untuk mendapatkan bantuan ini, beberapa peraturan-peraturan serta syarat-syarat yang diperuntukkan didalam Ordinan Perusahaan Getah (Tanam Semula) 1952 perlulah dipatuhi terlebih dahulu oleh pekebun kecil untuk mendapatkan bantuan yang ada didalam projek tanaman semula ini.

Bagi mereka-mereka yang pernah dan sedang menanam semula, terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi bagi menyelenggarakan tanaman semula ini. Antaranya :-

4.3.3.1 Penghantaran benih yang lambat

Ini adalah bila timbulnya kelewatan dari segi masanya sebagaimana yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Sering kali apabila pekebun kecil telah membersihkan kawasan tapak semaian dan menyediakan segala apa yang perlu untuk tanaman getah, bekalan benih getah lambat diterima. Jadi, pekebun kecil yang telah bersedia dan bersemangat untuk menjalankan aktiviti tanaman semula, bekalan yang ditunggu tidak tiba. Kadang-kadang ianya membawa kepada berbulan-bulan untuk penerimaan bantuan yang diminta. Dan pada masa itu, kawasan yang disediakan untuk tanaman semula akan dipenuhi rumput dan lalang dan perlu dikerjakan dan dibersihkan sekali lagi. Ini menyulitkan pihak pekebun kecil kerana kepada pekebun kecil ini, ketepatan masa itu adalah perlu. Ini adalah untuk mengelakkan daripada kemungkinan timbulnya masalah-masalah lain yang akan menghalang kelancaran tanaman semula getah mereka.

Bagi pihak RISDA pula, kelewatan hantaran benih getah dan bantuan lainnya, adakala tidak dapat hendak dielakkan. Ini adalah kerana bekalan yang telah dipesan kadan kala tidak diterima pada waktunya.

4.3.3.2 Penerimaan benih yang kurang baik dan bekalan yang tidak bersetujuan

Kedua-dua masalah ini saling berkaitan kerana ianya akan mempengaruhi keadaan pokok getah yang ditanam itu. Pekebun kecil pula hanya akan dapat mengesan keadaan ini bila mana terjadinya penyakit pada pokok getah seperti penyakit kulit dan penyakit akar.

Namun begitu didalam hal ini, pihak RISDA telah menegaskan bahawa

benih-benih yang digunakan bagi bertanam semula ini adalah terdiri dari benih-benih getah yang bermutu tinggi dan diluluskan oleh I.P.G.M.

Jadi, cuma terdapat 2 kemungkinan iaitu samada pekebun kecil sendiri tidak menjalankan sistem tanaman dan kawalan yang sebaik mungkin - yang mana dapat menghindarkan masalah penyakit getah - ataupun berlaku penyelewengan semasa penghantaran benih getah itu.

Macam mana pun, sekiranya ada pengawasan lanjutan yang rapi, sudah tentu sungutan berkenaan dengan penerimaan benih yang kurang baik dan tidak bersesuaian ini tidak kedengaran dikalangan pekebun kecil.

4.3.3.3 Kekurangan tenaga untuk melaksanakan tanaman semula getah

Kekurangan tenaga adalah perkara yang lazim terjadi kepada pekebun-pekebun kecil yang berumur sedikit. Mereka ini sudah tentulah memerlukan tenaga kerja yang lebih untuk menyelenggarakan penanaman semula ini.

Untuk mengatasi permasalahan ini, pihak RISDA telah memperkenalkan satu syor baru untuk menanam semula. Ianya dinamakan ² Rancangan Tanam Semula Berkelompok (R.T.S.B.). R.T.S.B ini adalah satu keadaan dimana kawasan yang mengandungi sekurang-kurangnya 5 keping tanah yang berhampiran didalam satu kawasan dan jumlah keluasan tidak kurang daripada 20 ekar, sekumpulan kebun-kebun ini jika ditanam semula serentak bolehlah ditafsirkan sebagai Rancangan Tanam Semula Berkelumpuk. Tiap-tiap Rancangan Tanam Semula Berkelumpuk mestilah dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang terdiri dari peserta sendiri.

Namun demikian, segala peruntukan-peruntukan dan skim yang ada, adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak RISDA. Misalnya didalam Gariskasar Perlaksanaan Rancangan. Tanam Semula Berkelumpuk³, ada dinyatakan bahawa peserta-peserta hendaklah memberi kuasa kepada RISDA dimana dari segi keperluan baja dan mata benda yang lainnya, hendaklah juga ditentukan oleh kakitangan RISDA dan jawatankuasa yang ada dari pihak pekebun kecil.

4.3.3.4 Ketidak sanggupan bertanam semula

Bagi pekebun kecil yang belum pernah lagi bertanam semula - yang mana terdapat 52.5% yang belum pernah lagi menanam semula getah - terdapat beberapa permasalahan terhadap hal ini.

Ini adalah kerana, bagi mereka, selain ketidak mampuan untuk bertanam semula, mereka juga terpaksa memikirkan akan jangka masa yang diambil untuk pokok getah yang ditanam semula itu membesar. Ini memakan masa 7 tahun sekurang-kurangnya sebelum pokok getah itu ditoreh semula.

Jadi, mereka terpaksa terlebih dahulu memikirkan apa yang perlu dibuat dalam jangka masa 7 tahun itu. Walau pun ada yang boleh bercucuk tanam dan bersawah padi bagi yang mempunyai tanah, dan ada juga yang boleh melakukan pekerjaan lain, mereka juga terpaksa memikirkan tentang tanggungan yang perlu ditanggung. Mereka terpaksa memikirkan samada dengan pekerjaan sambilan ini mencukupi untuk keperluan keluarga. Semuanya ini perlu difikirkan terlebih dahulu. Ini banyak mempengaruhi mereka didalam menentukan samada hendak bertanam semula ataupun tidak bertanam semula.

4.3.4 Birokrasi

Seperkara yang membingungkan pekebun kecil ialah berkenaan dengan perjalanan birokrasi yang begitu rigid dan lama. Ini sering kedapatan apabila pekebun-pekebun kecil hendak berurusan dengan pihak-pihak tertentu dari hal tanah getah mereka. Ini adalah kerana pihak-pihak seperti Pejabat Tanah, JPT, JKR dan agensi-agensi yang berkaitan adalah diperlukan terlebih dahulu pengesahannya sebelum dapat diluluskan oleh pihak RISDA. Misalnya dari hal tanaman semula. Terdapat peringkat-peringkat yang mesti dilaksanakan terlebih dahulu. Dasar perlaksanaan pihak RISDA merumitkan masalah ini. Pekebun kecil akan terpaksa melalui peringkat ini sebelum pengesahan diberikan.

Untuk tanaman semula, terlebih dahulu mestilah mendapat persetujuan pihak RISDA. Apabila dibersihkan kawasan tanam semula, pihak RISDA akan meninjau terlebih dahulu sebelum dimajukan kepada Pejabat Tanah. Pejabat Tanah pula bergantung kepada jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Kerja Raya dan sebagainya untuk memberi komen dan kelulusan.

Bagi pemilik tanah getah yang ingin bertanam semula dengan tanaman yang berlainan terlebih dahulu terpaksalah memukar syarat. Jika dinilaikan tanah itu melebihi \$25,000/=, permohonannya mestilah mendapat kelulusan diperingkat negeri pula.
4

Ini akan mengambil masa yang agak lama. Dari segi pentadbiran dan penyimpanan rekodnya, perkara seperti ini tidaklah dapat hendak dielakkan. Ianya merupakan satu keperluan bagi penyelarasang pentadbiran. Namun demikian, bagi pekebun kecil yang miskin - yang mana kedapatan 85% daripada

pekebun kecil dikawasan kajian yang berpendapatan kurang dari \$300/=, - syarat-syarat serta perjalanan birokrasi ini amatlah merumitkan. Ini adalah kerana ketidakmampuan mereka untuk berulang alik ke pejabat-pejabat yang berkenaan yang mana memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Kelonggaran persyaratan dan peraturan bagi kemudahan pekebun kecil adalah semestinya dititik beratkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jika tidak, keadaan permasalahan seperti ini akan berlanjutan dari setahun ke setahun. Sepatutnya, atas dasar membangunkan sosio-ekonomi pekebun kecil, syarat-syarat ini serta perjalanan birokrasi perlu diberi perhatian yang sewajarnya, kerana ianya menyulitkan pekebun kecil. Tidaklah nanti terjadi seperti keadaan dimana penggubahan dasar yang bertujuan untuk menolong pekebun kecil tetapi bertukar menjadi bebanan untuk diri pekebun diri itu sendiri.

4.3.5 Ketidak cekapan didalam pentadbiran

Dari segi pentadbiran RISDA sendiri, terdapat sungutan dari pekebun kecil bahawa pegawai-pegawai yang bertugas sering mengawalkan sikap pilih kasih didalam pemberian bantuan dan tidak melakukan tugas dengan sebaik mungkin. Perkara sebegini bagaimana pun tidaklah dapat dibuktikan kerana ianya memerlukan pengkajian dan penelitian yang rapi. Namun begitu, yang pastinya memang terdapat rasa ketidak puasan hati dikalangan pekebun kecil terhadap petugas-petugas RISDA.

Ini adalah kerana terdapat perkhidmatan-perkhidmatan dari segi khidmat bantuan, khidmat sokongan dan sebagainya yang tidak menyeluruh.

Perkara ini boleh dilihat berdasarkan kepada jadual 9 di Bab 3. Didapati tidak sampai 50% pekebun kecil yang telah menerima khidmat sebegini.

Bagi diri pekebun kecil, khidmat nasihat serta khidmat lanjutan adalah perlu untuk diri mereka sendiri. Perkhidmatan bantuan dari segi pemberian macam rumpai, racun serangga, baja dan sebagainya adalah perlu demi menjaminkan keberkesanan tanaman mereka. Malangnya, khidmat yang diberikan tidak sampai pun 50% perlaksanaannya. Oleh itu, objektif untuk mempertingkatkan lagi kemajuan keseluruhan sektor pekebun kecil tidak akan dapat dicapai sepenuhnya sekiranya perkara sebegini tidak diselesaikan.

Walaupun pihak RISDA ada mengadakan sessi lawatan serta khidmat nasihat, ketidakcekapan dan sikap sambil lewa petugas-petugas RISDA perlulah diawasi. Yang membimbangkan pula ialah apabila terdapat pelatih-pelatih baru yang berkhidmat dengan RISDA dan diletakkan dibawah bimbingan petugas-petugas lama, pelatih-pelatih ini akan terikut-ikut dengan 'style' atau 'cara' khidmat petugas-petugas lama ini.

Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan perlaksanaan perkhidmatannya, pihak RISDA seharusnya mengawasi dan mempertingkatkan lagi kecekapan kerja didalam pentadbirannya sendiri. Ini sejajar dengan objektif utama penubuhannya iaitu membangun, memajukan dan memodenkan masyarakat dan perusahaan pekebun kecil didalam ertikata yang sebenarnya.

Walaupun kemungkinan terdapat permasalahan pada diri petugas RISDA itu sendiri didalam menghadapi pekebun kecil, perlulah juga diingatkan bahawa pekebun kecil bergantung 100% kepada pihak RISDA untuk mengetahui tentang teknik-teknik penjagaan dan pemeliharaan yang baru serta perkhidmatan yang lainnya. Tidaklah mencukupi sekiranya tiada khidmat

lanjutan dan penerangan yang dianjurkan bagi memilih ingatkan perkara-perkara yang baru.

Adalah menjadi suatu perkara yang menyediakan apabila kedapatan penyelidikan serta teknologi 'moden' yang telah dikenal pasti dengan banyaknya oleh jabatan atau agensi seperti IPGM, penggunaannya oleh pekebun kecil tidak berlaku pada tahap yang dikehendaki semata-mata kerana tahap pengenalannya tidak menyeluruh.

Nota

- 1 - Pekebun kecil memerlukan wang untuk pembelian barang harian. Jika menjual dalam bentuk getah keping, RISDA hanya datang membelinya seminggu sekali. Ini sudah tentu menyulitkan bagi pihak pekebun kecil.
- 2 - Lihat 'Seminar Pemodenan Pekebun kecil (1977)' mengenai konsep baru menanam semula rancangan tanam semula berkelumpuk oleh Othman bin Isa.
- 3 - Ibid
- 4 - Ini merupakan masalah yang dihadapi bila ingin bertanam semula selain dari getah. Masalah ini dinamakan masalah tukar syarat. Jika pemilik meninggal dunia, tukar syarat tidak dapat dilakukan selagi belum ada bicara kuasa. Lihat 'Masalah Hak Milik Tanah' dalam Seminar Pemodenan Pekebun Kecil (1977).

BAB KELIMA

Organisasi Yang Terlibat Didalam Hal Ehwal Pekebun Kecil Getah

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan berkenaan dengan pihak-pihak yang bertanggung jawab didalam hal ehwal pekebun kecil getah. Tumpuan utama adalah kepada pihak RISDA (Rubber Industrial Smallholders Development Board), selaku agensi utama yang bertanggung jawab didalam memajukan dan memodenkan masyarakat dan perusahaan pekebun kecil getah. Ini sepatimana yang disarankan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak semasa pelancaran RISDA pada 1 Januari 1973,

"RISDA bertanggung jawab membangun, memajukan dan memodenkan masyarakat dan perusahaan pekebun kecil dalam erti kata yang sebenarnya."

Selain daripada RISDA, akan juga dilihat beberapa agensi lain yang berkaitan dengan pihak pekebun kecil. Ini adalah seperti pihak Jabatan Pertanian, Bank Pertanian, Koperasi yang ada, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan sebagainya nanti.

Akan juga dilihat tentang permasalahan yang dihadapi oleh pihak RISDA didalam pengendalian perhubungan dengan pekebun-pekebun kecil getah.

5.2 Struktur organisasi RISDA dan pentadbirannya

Dari segi pentadbirannya, RISDA adalah diletakkan dibawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. Akan terdapat seorang Pengurus atau Ketua pengarah yang akan dibantu oleh 2 orang Timbalan Ketua Pengarah. Ini diperingkat kebangsaan.

Diperingkat negeri pula akan ditadbir oleh pegawai RISDA negeri yang mana akan dibantu oleh pegawai menjaga wilayah. Bagi pentadbiran peringkat wilayah pula, akan terdapat Pegawai Kanan Menjaga Wilayah. Beliau akan dibantu oleh seorang pegawai RISDA kanan, 2 orang pegawai RISDA, seorang Pegawai Kerja Akaun dan seorang Pegawai Kerja.

Diperingkat daerah pula, 3 orang Pegawai RISDA daerah membantu didalam merancang, melaksanakan projek-projek dan mentadbir daerah masing-masing. Setiap Pegawai Risda pula dibantu oleh sekurang-kurangnya seorang Penolong Pegawai RISDA bagi satu-satu mukim.

5.3 RISDA ditempat kajian

Kawasan kajian pengkaji adalah didalam Wilayah Perak Tengah yang mengandungi atau merangkumi 3 buah daerah iaitu ;

- 1 - Daerah Kinta
- 2 - Daerah Sungai Siput
- 3 - Daerah Kuala Kangsar

Kajian kes yang dilakukan adalah di Kati,¹ sebuah perkampungan dalam mukim Chegar Galah di dalam daerah Kuala Kangsar.

Di kawasan atau daerah Kuala Kangsar terdapat sebuah pejabat RISDA tempatan. Jadi, segala urusan berkenaan dengan apa jua masalah yang di hadapi oleh pekebun kecil adalah dilakukan di sini. Terdapat 13 orang pekerja di sini. Ini termasuklah dari Pegawai Risda Daerah hinggalah Penolong Pegawai Risda.

5.4 Program RISDA ditempat kajian

Sejak dari penubuhannya, RISDA telah banyak berusaha dan melaksanakan program-program yang dijangka akan dapat memberi peningkatan produktiviti sekali gus meninggikan lagi tahap kehidupan pekebun kecil dikawasan kajian.

Di dalam pengkajian hal ini, RISDA telah mengenal pasti satu strategi yang dikenali sebagai rancangan pembangunan serampang 7 mata atau gelaran yang diberikan iaitu RESTU. Keseluruhannya, strategi ini bertujuan untuk meningkatkan lagi produktiviti hasil getah. Strateginya adalah ;

- 1 - Semua getah tua ditanam semula dengan benih yang bertinggi. Benih-benih yang digunakan adalah terlebih dahulu mesti mendapat kelulusan ² dari IPGM.
- 2 - Jangka masa getah muda dipendekkan tidak lebih daripada 5 1/2 tahun. Ini bermakna pada tahun yang ke 6 getah akan ditoreh.
- 3 - Penggunaan tanah yang sepenuhnya bagi menentukan pendapatan yang diterima bagi sesebuah keluarga adalah tidak kurang dari \$500/= sebulan. Dengan kata lain, aktiviti-aktiviti sampingan seperti menanam kontan, cili, lada dan sebagainya adalah digalakkan selain dari menoreh getah.

- 4 - Getah ditoreh dengan cara bersistem dan mengeluarkan hasil tidak kurang dari 1500 kg. sehektar setahun purata.
- 5 - Pengeluaran getah oleh pekebun kecil haruslah tidak kurang dari gred 2 dengan harga yang berpatutan. Ini kerana kebanyakkan pekebun kecil mengeluarkan getah gred 4 dan gred 5 yang mana pendapatannya \$1.67 sedangkan getah gred 1 dan gred 2, 1 kilo \$1.85. Teknik-teknik serta kursus-kursus tunjuk ajar akan sentiasa diadakan.
- 6 - Program pembangunan usahawan industri kampung adalah digalakkan masyarakat pekebun kecil menceburinya. Industri kampung yang dimaksudkan adalah seperti industri buluh, labu sayong, makanan ringan dan sebagainya.
- 7 - Pembelajaran atau latihan vokasional akan diberikan kepada semua peringkat masyarakat pekebun kecil. Target group atau kumpulan sasarannya adalah mereka yang tidak berpelajaraan tinggi.

Jadi, inilah yang merupakan strategi jangka pendek dan jangka panjang dan matlamat-matlamat RISDA bagi memajukan pekebun kecil getah kawasan ini. Dilihat kepada strategi RESTU ini, ianya sudah tentu akan mendatangkan manfaat kepada pekebun kecil.

Untuk memastikan strategi ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin, daerah Kuala Kangsar telah dibahagikan kepada 5 mukim yang diselenggarakan atau diletakkan dibawah jagaan PPR. Mukim-mukim itu ialah :

- 1 - Mukim Sanggang - Ianya mukim yang paling besar sekali dan diletakkan dibawah jagaan 3 orang PPR.
- 2 - Mukim Kampung Boya - 1 kakitangan luar
- 3 - Mukim Kota Lama Kiri - 2 PPR

4 - Mukim Lubok Merbau - 1 orang PPR

5 - Mukim Chegar Galah - 3 PPR

Bagi pengawasan dan perancangan program-program pengembangan dan sebagainya di daerah ini, seorang pegawai RISDA tingkatan tertinggi akan membantu Pegawai RISDA wilayah menyelenggarakannya.

5.5 Program pendidikan dan latihan

Dari segi fizikalnya, penggunaan alat teknologi getah moden telah diperkenalkan. Untuk ini, satu demonstrasi serta tunjuk ajar telah dilakukan tentang guna atau cara penggunaan alat ini. Alat yang diperkenalkan ialah alat torean berjentera atau nama khasnya '³motoray'. Penerokaan kearah memodenkan penorehan getah asli ini adalah hasil dari gabungan tenaga dan kepakaran dari IPGM dan syarikat NGK Jepun. Alat ini dikatakan satu permulaan kearah memodenkan pengeluaran getah.

Dari segi kimianya pula, untuk meningkatkan lagi produktiviti getah, IPGM melalui RISDA telah memperkenalkan penggalak susu atau ethrel. Dengan penggunaan ethrel ini, iaitu disapu ethrel ini diatas kawasan torean, susu dijangka akan mengalir lebih lagi dari kebiasaannya. Dengan ini dijangka pekebun kecil akan memperolehi getah yang berlebihan untuk menambahkan lagi getah masing-masing. Cuma, jika digunakan ethrel ini, perlulah ada sedikit penjagaannya, iaitu perlu dibubuh baja pada pokok getah itu. Jika tidak, akan timbulah penyakit kulit pada pokok getah itu. Dan lagi, ethrel ini hanya sesuai untuk pokok getah muda. Pokok getah tua tidak berapa sesuai untuk digunakan.

Jadi, untuk memastikan perjalanan lancar strategi RESTU dan alatan yang diperkenalkan, dari semasa kesemasa telah dijalankan program-program pendidikan serta latihan yang mana tujuannya ialah untuk membantu pekebun kecil ⁴ memahami serta mengetahui teknik-teknik yang sebaik-baiknya.

Untuk ini, bagi tiap seorang PPR, adalah diwajibkan menjalankan 8 aktiviti pengembangan dan latihan kepada pekebun kecil setempat. Ini bermakna, dalam masa sebulan, dengan 10 kakitangan luar, akan terdapatlah 80 aktiviti pengembangan dan latihan luar. PPR akan terlebih dahulu membuat satu temu janji dengan pekebun kecil untuk diberikan penerangan. Bagi latihan serta pendidikan formal, ianya di adakan di Institut Latihan RISDA, Padan Rengas, Perak. Ini sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak mampu dilakukan diperingkat daerah.

5.6 Pusat Perkembangan Pekebun Kecil (PPPK)

Dari segi status teknologi, perkembangan kearah melengkapkan pekebun-pekebun kecil bagi menggunakan teknologi baru dan bagi membantu pekebun kecil yang tiada kemampuan untuk memiliki barang seperti mesin getah, takungan dan sebagainya, ianya telah sedikit sebanyak dapat diatasi dengan adanya PPPK ini.

Di kawasan Kati saja terdapat 7 kawasan bagi PPPK. Segala kemudahan dan peralatan untuk pembuatan getah keping boleh didapati disini. Ini sudah tentunya akan meringankan lagi bebanan pekebun kecil yang tidak mampu untuk mengadakan mesin getah sendiri. Pusat PPPK ini juga adalah merupakan pusat bagi pekebun kecil untuk memasarkan getah mereka.

Pekebun kecil akan berkumpul pada masa yang ditetapkan dan menunggu pihak RISDA datang membeli getah.

5.7 Projek tanam semula kadar baru

Projek tanam semula yang dianjurkan oleh pihak RISDA ini adalah merupakan satu skim penggalak kepada pekebun kecil untuk menanam semula pokok-pokok getah yang telah tua dan memberikan penghasilan yang sedikit.⁵

Untuk memudahkan pekebun kecil yang miskin menanam semula getah mereka, satu skim bantuan telah diselaraskan oleh pihak RISDA. Skim bantuan ini dinamakan skim tanam semula kadar baru (TSKB).⁶ Beberapa syarat telah dikenakan terlebih dahulu kepada pekebun-pekebun kecil. Keluasan tanah hak milik dan tarikh pemilikan tanah akan menjadi asas untuk menentukan kelayakan penerimaan bantuan mengikut kadar baru ini.

Kelayakkan bagi seseorang pekebun kecil menerima bantuan kadar baru iaity \$1,200/= seekar adalah dikira berdasarkan kepada keluasan getah yang dimiliki tidak melebihi 10 ekar dan tarikh pemiliknya mestilah pada atau sebelum 7 1.1.1978.

Pekebun kecil yang diberikan kelulusan menanam semula dan menanam baru sehingga 12 ekar semaksima, bantuan tanam semula akan diberi sama rata bagi tiap-tiap 1 ekar asalkan tidak melebihi jumlah bantuan yang diluluskan berdasarkan kepada kadar bantuan baru \$1,200/= seekar bagi 10 ekar dan baki 2 ekar dengan kadar bantuan \$900/= seekar. Cara bayarannya adalah seperti berikut ;

Keluasan kebun	Jumlah bantuan \$1,200/= seekar bagi 10 ekar dan \$900/= seekar bagi kawasan baki	Penaksiran	Bantuan seekar
10 1/4	\$12,225	12,225 ----- 10.25	\$1,192.70
10 1/2	\$12,450	12,450 ----- 10.50	\$1,185.70
10 3/4	\$12,675	12,675 ----- 10.75	\$1,179.10
11	\$12,900	12,900 ----- 11	\$1,172.00
11 1/4	\$13,125	13,125 ----- 11.25	\$1,166.70
11 1/2	\$13,350	13,350 ----- 11.50	\$1,160.90
11 3/4	\$13,575	13,575 ----- 11.75	\$1,155.30
12	\$13,800	13,800 ----- 12	\$1,150.00

Sumber : Risalah/pamflet Bantuan Tanam Semula Kadar Baru - RISDA

Rancangan tanam semula dan tanam baru yang dijalankan oleh RISDA membolehkan juga pekebun kecil mempelbagaikan tanaman baru bagi menggantikan tanaman asal getah. Jenis-jenis tanaman itu adalah seperti kelapa sawit, kelapa, buah-buahan jenis limau, pisang tali dan lain-lain lagi. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mempelbagaikan sektor pertanian dinegara ini.

Segala jenis insentif yang dimajukan adalah untuk meninggikan lagi tingkat produktiviti dan memudahkan lagi pekebun kecil menjalankan kegiatan masing-masing. Namun begitu, segala bantuan yang diberikan ini adalah tertakluk juga kepada syarat-syarat yang dikenakan. Jika pekebun kecil tidak memenuhi syarat-syarat ini, kemungkinan tindakan akan diambil.⁸

5.8 Koperasi gabungan pusat pembangunan pekebun kecil daerah Kuala Kangsar (Koop Gabungan)

Koop Gabungan daerah Kuala Kangsar telah ditubuhkan atau telah didaftarkan dibawah ordinan koperasi bil. 33 tahun 1948 pada 21 Jun, 1978. Kawasan Koop Gabungan ini ialah seluruh daerah Kuala Kangsar.

Koop Gabungan ini ditubuhkan bertujuan antara lainnya untuk mengorganisasikan diri pekebun kecil supaya dapat menjadi satu persatuan, dimana gunanya persatuan ini ialah untuk dapat membela nasib pekebun kecil.

Pengkaji telah berpeluang bertemu bual dengan pengurus Koop Gabungan daerah Kuala Kangsar, Encik Abd. Rahim bin Mohd Hashim. Penerangan yang diberikan mengenai Koop Gabungan daerah Kuala Kangsar adalah begitu jelas sekali.

Pengkaji telah diberitahu bahawa sejak masa penubuhannya iaitu pada tahun 1979, Koop Gabungan daerah Kuala Kangsar tidak pernah lagi mengalami kerugian. Cuma keuntungan yang diperolehi adakalanya sedikit sahaja. Penyertaan pekebun kecil didalam koperasi ini juga boleh dikatakan menggalakkan, cuma penyertaan sepenuhnya pekebun kecil masih lagi tidak kesampaian. Dan perkara ini adalah menjadi suatu perkara utama yang akan diusahakan oleh pihak Koop Gabungan supaya pekebun kecil menyertai Koop

Gabungan sepenuhnya.

Untuk menjayakan perkara ini, usaha-usaha serta penerangan-penerangan telah dijalankan untuk memperjelaskan kepada pekebun kecil tentang perlunya menyertai Koop Gabungan.

Diperingkat nasional, Koop Gabungan diwakili oleh Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad atau NARSCO. Ianya telah ditubuhkan pada 16 April, 1981. Fungsinya adalah seperti mana juga dengan Koop Gabungan cuma bezanya ia diperingkat nasional. Dengan memasuki koperasi ini, pulangan sampingan yang diterima oleh pihak pekebun kecil sedikit sebanyak dapat membantu didalam keadaan kehidupan harian mereka.

5.9 Masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil dikawasan kajian dari sudut pandangan RISDA

Setiap pembaharuan, setiap perubahan sudah tentulah akan mendatangkan sedikit sebanyak permasalahan. Ini tidak dapat dielakkan. Namun, apa yang penting ialah penganalisaan permasalahan yang timbul bagi memperbaiki dan juga memberi kecenderungan untuk penerimaan sesuatu perubahan yang dilakukan. Begitu jugalah dengan sektor pekebun kecil getah. Disini pengkaji telah meninjau permasalahan dari kedua belah pihak.

Didalam hal ini pengkaji telah mendapatkan pandangan dari kedua belah pihak tentang permasalahan yang dihadapi oleh pekebun kecil getah daerah Kuala Kangsar amnya dan kawasan Kati khususnya.

Dari segi pendapatan, pihak RISDA didalam bancian yang dilakukan telah pun mengenal pasti kadar kemiskinan hasil dari pendapatan rendah pekebun keci. Didalam bancian selama 5 tahun, menunjukkan pekebun kecil

bagi daerah, 68% adalah berada dibawah paras kemiskinan, yang mana RISDA menakrifkan paras kemiskinan adalah mereka yang berpendapatan kurang dari \$300/- sebulan. 27% lagi adalah ditahap yang sederhana, iaitu berpendapatan antara \$300/= hingga \$500/= sebulan dan hanya 5% sahaja pekebun kecil yang berpendapatan mewah iaitu \$500/= sebulan. Secara keseluruhannya, kadar kemiskinan masih lagi berleluasa didaerah ini.

Pekebun kecil juga mengikut pandangan RISDA, tidak mencapai tahap pemasaran yang memuaskan. Dengan kata lain, tahap pencapaian pemasaran pekebun kecil adalah agak rendah. Dari segi pemasaran getah dan juga hasil tani yang lainnya, dikatakan tidak mencapai tahap yang dikehendaki akibat daripada mutu hasil yang agak rendah. Ini ditambah pula akibat daripada terlalu mengharap atau terlampau bergantung harapan kepada orang tengah. Namun begitu, walau pun tahap pencapaian pemasaran adalah rendah, dikatakan ⁹ tahap pengeluaran adalah bertambah dari setahun ke setahun. Cuma kejayaan pengeluaran mutu hasil adalah masih ditahap yang rendah.

Jadi, pihak RISDA menyatakan bahawa permasalahan ini timbul adalah kerana ;

- 1 - Pergantungan 100% pekebun kecil kepada orang tengah.
- 2 - Pekebun kecil tidak menjalankan amalan pengurusan yang telah disarankan oleh pihak RISDA melalui khidmat nasihatnya.
- 3 - Sikap pekebun kecil sendiri yang tidak mahu menerima perubahan-perubahan yang dijalankan oleh pihak RISDA. Dikatakan pekebun kecil cenderung kepada pemikiran tradisional. Mereka sekadar mengangguk sahaja, tetapi perubahan tidak juga dibuat.

Ini telah dikatakan atau 3 faktor ini telah di kenal pasti oleh pihak RISDA sebagai faktornya mengapa timbul permasalahan dipihak pekebun kecil. Ini merupakan inti kepada kemungkinan timbulnya lagi permasalahan-permasalahan lain.

Apa pula caranya atau apakan perancangan yang dilaksanakan oleh pihak RISDA untuk mengatasi permasalahan ini ? Untuk ini RISDA telah, melalui unit pemasarannya, cuba mengawal kenakalan orang tengah dari segi harga dengan membeli hasil getah dari pekebun kecil. Dalam hal ini RISDA hanya membeli getah keping sahaja. Dan sambutannya juga dikatakan menggalakkan.

RISDA juga telah berusaha mengadakan kursus-kursus sivik, kursus penerangan RISDA daerah Perak Tengah. Begitu juga dengan masalah hasil atau pengeluaran tani yang tidak bermutu, kaedah-kaedah untuk mempertingkatkan lagi mutunya telah dilancarkan melalui penerangan-penerangan dan khidmat sokongan keatas pekebun keci. Program penerangan ini berkesesuaian dengan Rancangan serampang tujuh mata RISDA. Segala perlaksanaan adalah merujuk kepada perancangan ini.

Ini adalah merupakan penerangan pihak RISDA tentang apa permasalahan dan kenapa timbulnya masalah ini dikalangan pekebun kecil kawasan ini. Dan dikatakan usaha-usaha telah dan akan dilakukan oleh pihak RISDA bagi memperbaiki keadaan ini. Namun begitu, permasalah ini hanya akan dapat diatasi sekiranya pekebun kecil sendiri yang mengambil inisiatif sendiri untuk mengubah nasib mereka. Pihak RISDA hanya dapat memberikan sokongan dan khidmat nasihat didalam hal ini. Terserah kepada pekebun kecil sendiri.

Kesimpulan

Dengan merujuk pandangan dan penerangan pihak RISDA, didapati keadaan pekebun kecil akan berterusan berada ditahap yang sama jika tiada kerjasama dan persefahaman didalam pengimplementasian perancangan yang dianjurkan oleh pihak RISDA. Pekebun kecil sendiri perlulah menunjukkan keinginannya untuk mengubah keadaan mereka sendiri. Segala usaha-usaha kearah meningkatkan produktiviti hasil getah dan sekali gus menambahkan pendapatan pekebun kecil sendiri seharusnya mendapat sambutan yang sewajarnya.

RISDA dengan projek RESTUnya pula haruslah memastikan perlaksanaan rancangan berjalan dengan lancar. Pemerhatian yang rapi keatas mereka-mereka yang dipertanggung jawabkan menguruskan hal ini perlu ada pengawasan yang teliti. Ini untuk mengelak timbulnya apa-apa penyelewengan dan ketidak adilan didalam pengaplikasiannya terhadap pekebun-pekebun kecil.

Ucapan dan saranan yang disuarakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak semasa pelancaran RISDA hendaklah dipegang teguh dan amanat ini seharusnya dilaksanakan dengan sepenuh hati, jujur dan ikhlas bersesuaian dengan Dasar Ekonomi Baru dan matlamat-matlamatnya.

Nota-nota

- 1 - Lihat bab 3
- 2 - Institiut Penyelidikan Getah Malaysia
- 3 - Pisau toreh berjentera yang menggunakan kuasa bateri untuk penerusan kuasanya. Boleh menoreh 500 pokok getah muda dalam masa 3 jam.
- 4 - Program perancangan ini dijalankan dari masa ke semasa bergantung kepada musim. Susah untuk menetapkan perancangan setahun. Ini kerana jika dirancangkan kursus mengawal rumpai pada bulan April, tiba-tiba bulan April hujan. Jadi, ini tidak kesesuaian. Untuk itu, segala perancangan adalah dilakukan 2 minggu sebelum dilaksanakan sesuatu program.
- 5 - Kebiasaan pokok getah yang berumur 18-25 tahun adalah dianggap sebagai menghasilkan pengeluaran yang sedikit. Sesuai untuk ditanam semula.
- 6 - Risalah/pamflet 'Bantuan Tanam Semula Kadar Baru'.
- 7 - Sistem tanam semula kadar baru - \$1,200.00 seekar.
Sistem tanam semula kadar lama - \$900.00 seekar.
- 8 - Jika pihak berkuasa RISDA mendapati berlaku pertukaran hak milik bagi kebun-kebun yang sedang menerima bantuan tanam semula atau tanam baru, khususnya pertukaran hak milik kepada orang yang tak seharusnya menerima bantuan itu, umpamanya pemilik baru itu bukan seorang 'pekebun kecil', maka tindakan akan diambil membekukan bayaran itu. Ini mengikut peraturan-peraturan yang diperuntukkan dibawah Ordinan Perusahaan Getah (T.S.) 1952.
- 9 - Pengkaji diberitahu ini terjadi iaitu ada kemajuan adalah kerana keberkesanan khidmat nasihat yang dilakukan oleh pihak RISDA (?).

BAB KEENAM

Penghuraian masalah dan saranan penyelesaiannya

Telah banyak pandangan serta pendapat yang dikeluarkan dan dinyatakan bagi menerangkan tentang kehidupan masyarakat pekebun kecil khususnya dan masyarakat desa amnya yang masih ditahap yang membimbangkan.

Pakar-pakar serta sarjana-sarjana dari dalam dan luar negeri telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyentuh tentang perihal tahap kehidupan yang rendah dikalangan masyarakat desa. Disebabkan desa terdiri dari orang Melayu, sasaran kajian serta pandangan yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada kelompok ini. Contohnya boleh dilihat apabila Parkinson (1967) telah menyatakan bahawa masyarakat desa yang terdiri dari orang Melayu tidak mempunyai sikap yang dinamik. Sebaliknya, orang Melayu mempunyai satu sikap yang dianggap sebagai pasif dan penerimaan terhadap perubahan yang dilakukan sering kali tidak mendapat sambutan yang sewajarnya.

Pernyataan seperti ini telah disuarakan sejak dari zaman kolonial lagi oleh penjajah-penjajah barat yang menjajah negara ini. Sehingga pada masa sekarang ini juga, pernyataan sebegini seringkali disuarakan. Tinggal lagi, ianya dilanjutkan oleh pegawai-pegawai yang memegang tanggung jawab bagi pembangunan sesuatu kumpulan sasarannya. Contohnya dapat dilihat dibab 5 dimana pegawai RISDA sendiri menyatakan bahawa salah satu sebab kepada kemunduran dan permasalahan terhadap pekebun kecil adalah disebabkan oleh sikap pekebun kecil sendiri yang tidak mahu menerima perubahan yang dijalankan oleh pihak RISDA.

Dari segi psikologinya, pengkaji merasakan bahawa kenyataan sebegini hanya akan melemahkan minda pekebun kecil. Ini kerana pihak atasan sendiri, iaitu tempat dimana pekebun kecil mengadu hal, mengeluarkan pernyataan yang merendahkan minda diri pekebun kecil. Akibatnya, pekebun kecil merasa takut atau sangsi untuk mencuba sesuatu yang baru. Ini adalah kerana, jika sesuatu percubaan pembaharuan dilakukan dan ianya tidak berjaya, kesalahannya sudah tentu akan ditujukan kepada pekebun kecil. Pernyataan sebegini hanya akan melemahkan mereka.

Pernyataan yang hanya akan melemahkan minda ini, apabila dilihat dari segi rasionalnya, adalah bercanggah sekali dengan keadaan yang sebenarnya. Ini adalah kerana pekebun kecil sentiasa mahu menerima sebarang penyerapan teknologi jika didapati dan dapat diyakini kepada pekebun kecil bahawa perubahan-perubahan yang dilakukan itu adalah betul-betul memberi faedah kepada mereka. Mereka sudah tentu dan pasti akan menerima perubahan itu jika ianya didalam lingkungan kemampuan mereka.

Misalnya, pengenalan alat torehan getah yang menggunakan kuasa bateri iaitu yang dikenali sebagai 'motoray'. Alat ini dikatakan akan dapat antara lainnya, meningkatkan daya pengeluaran kerja dengan torehan yang cepat iaitu boleh menoreh 500 pokok getah muda dalam masa 3 jam. Ini dibandingkan, iaitu jika mengikut penggunaan alat torehan yang lama, ianya hanya akan dapat menoreh 500 pokok getah muda dalam masa 4 hingga ke 4 1/2 jam.

Pihak RISDA di kawasan kajian telah pun mengadakan demonstrasi penggunaan alat ini dikawasan kajian. Bagaimanapun, penerimaannya dikalangan pekebun kecil atau penoreh getah tidaklah begitu menggalakkan. Ini terjadi bukan kerana pekebun kecil tidak mahu menerima perubahan alat

torehan ini. Ini terjadi adalah akibat ketidakmampuan pekebun kecil untuk membeli dan memiliki barang ini. Ia memerlukan belanja yang banyak, iaitu lebih kurang \$1000/= bagi pembelian alatan itu sahaja. Sedangkan bagi pihak pekebun kecil getah, untuk menampung kehidupan harian keluarga sendiri terpaksa diperhadkan perbelanjaannya.

Lagi pun, dengan keluasan tanah getah yang tidak pun sampai 2 ekar, yang mana 18% dari pekebun kecil dikawasan kajian yang ditemui memiliki keluasan tanah getah tidak sampai 2 ekar (lihat bab 3), penggunaan alatan ini adalah dirasakan tidak memberikan apa-apa faedah yang sepatutnya. Ini adalah kerana dengan penggunaan alatan ini keatas keluasan tanah getah yang kurang dari 2 ekar, yang mana mempunyai tanaman getah purata 160 pokok, ianya dijangkakan tidak dapat memberi pulangan yang sewajarnya, dibandingkan dengan modal yang dikeluarkan untuk alatan ini. Tambahan pula, kebanyakan pekebun getah dikawasan ini menoreh getah tua (lihat bab 3). Dengan penggunaan alatan ini, ianya akan hanya merosakkan pokok getah.

Pengeluaran hasil getah yang kurang bermutu dikaitkan sebagai penyebab kepada berkurangnya pendapatan yang lebih baik dikalangan pekebun kecil. Ini ditambah pula kecenderungan pekebun kecil menghasilkan getah buku dari getah keping. Pekebun kecil dikatakan mencari jalan mudah dengan menghasilkan getah buku.

Perkara sebegini sebenarnya tidak dapat hendak dielakkan oleh pekebun kecil. Keperluan kepada sumber kewangan sehari-hari memerlukan mereka menghasilkan getah buku dan bagi getah keping pula, ianya perlu penelitian dan penjagaan yang rapi. Ini menyulitkan pekebun kecil yang punya kegiatan selain dari menoreh getah.

Jadi, bagi diri pekebun kecil, kebergantungan mereka kepada getah buku, akibat dari keperluan sehari-hari, seharusnya menjadi perhatian yang utama dan sewajarnya. Pihak RISDA seharusnya, sebagai pihak yang bertanggung jawab atas pembangunan sosio-ekonomi pekebun kecil, meneliti keadaan ini. RISDA sewajarnya tidak hanya membeli getah keping sahaja dari pekebun kecil. Pembelian getah buku juga perlu (lihat bab 3). Jalan penyelesaian perlu dicapai.

Pekebun kecil, seperti mana yang dibicarakan dibab 3, akan menjual dan berkecenderungan untuk menjual getah mereka kepada pihak RISDA apabila RISDA membeli getah mereka. Tetapi, RISDA hanya membeli getah yang dihasilkan oleh pekebun kecil seminggu sekali. Sedangkan pekebun kecil perlu kepada kewangan sehari-hari.

Oleh itu, suatu sistem kredit kewangan boleh diimplementasikan bagi mengurangkan masalah kewangan. Ini sekali gus akan dapat juga mengurangkan pekebun kecil dari terdedah kepada pengeksplotasian orang tengah yang sudah tentunya akan mengambil kesempatan dari kesempitan hidup pekebun kecil. Misalnya, pekebun kecil yang memerlukan kewangan diberikan wang pinjaman untuk kegunaan mereka. Dan bayarannya boleh dilakukan melalui getah keping yang dihasilkan.

Dengan kata lain, satu sistem pinjaman kredit boleh dilaksanakan. Pekebun kecil boleh melakukan pinjaman dari pihak RISDA, dan pihak RISDA boleh mengutip 'bayaran' pinjaman itu kembali dengan 'membeli' getah yang dihasilkan oleh pekebun kecil. Ini boleh menghalang daripada berlakunya eksplotasi terhadap pekebun kecil apabila memasarkan hasil getah mereka kepada orang tengah. Dari apa yang pengkaji perhatikan, sistem sebegini ada digunakan, tetapi bukan oleh pihak RISDA, tetapi oleh orang tengah. Ini

menyebabkan pekebun kecil terikat untuk menjualkan penghasilan mereka kepada orang tengah ini.

Bagi pekebun kecil yang mempunyai tabungan kewangan yang banyak, walau pun jarang kedapatan, dan mereka tidak memerlukan wang dimasa itu, mereka juga boleh menjualkan getah mereka kepada pihak RISDA. Pihak RISDA boleh mengeluarkan satu resit penjualan. Resit ini kemudianya kelak akan dapat ditukar gantikan oleh pekebun kecil didalam bentuk kewangan bila mana mereka memerlukan kewangan ketika itu. Dengan cara ini, penghasilan getah pekebun kecil tidak akan dapat dieksplotasikan oleh pihak-pihak lain.

Namun demikian, perkara-perkara sebegini tidaklah terletak dibahu pihak RISDA sahaja. Kerjasama dari kesemua pihak adalah perlu bagi keberkesanan sistem ini. Ini dapat dilakukan melalui koperasi pekebun kecil getah yang ada.

Ditempat kajian, terdapat koperasi gabungan (lihat bab 5) atau Koop Gabungan. Koop Gabungan ini boleh dijadikan orang tengah oleh pihak pekebun kecil didalam perjalanan sistem ini. Dan bagi pihak Koop Gabungan pula, sistem ini boleh dilakukan atau dilaksanakan keatas semua pekebun kecil yang ada, tidak terhad kepada ahli-ahlinya sahaja.

Dengan mengadakan bentuk perekonomian melalui sistem sebegini, pekebun kecil tidak perlu lagi bimbang tentang sumber-sumber kewangan yang diperlukan. Ini dengan secara tidak langsung, dapat mengadakan satu sistem saluran pemasaran penghasilan getah untuk pekebun kecil. Pekebun kecil tidak lagi akan merasakan diri mereka terbiar dan terdedah kepada pengeksplotasian orang-orang tertentu. Ini akan dapat meringankan juga beban harian pekebun kecil.

Bagi pihak pekebun kecil, seharusnya ada satu kerjasama antara satu sama lain. Kerjasama ini boleh dibuat atau dijalankan melalui koperasi, seperti mana yang terdapat ditempat kajian. Atau ianya boleh dijadikan semacam satu persatuan. Pokoknya, pekebun kecil perlu bersatu untuk kemajuan mereka sendiri.

Koperasi misalnya, boleh dijadikan satu alat oleh pekebun kecil untuk pembangunan sosio-ekonomi mereka. Ini adalah kerana semangat gotong royong dan kerjasama dikalangan pekebun kecil amatlah cocok sekali dengan nilai-nilai kebudayaan kebangsaan dan orang Melayu khususnya.

Apa yang pengkaji dapati ditempat kajian, walau pun ada pekebun kecil yang menyertai koperasi, masih ada lagi kebanyakkan pekebun kecil yang tidak menyertai koperasi atau mana-mana persatuan yang ada pergabungan dan kerjasama dibawah satu payung. Ini perlu kerana jika pekebun kecil menjalankan aktivitinya secara perseorangan, ianya tidak akan dapat menghadapi saingan yang ada.

Asas pergabungan dan kerjasama ini perlu disemaikan oleh pekebun kecil didalam kalangan mereka sendiri. Jadi, apa yang perlu ada ialah kesedaran disetiap peringkat. Ini bermakna, ianya terlebih dahulu mestilah datangnya dari peringkat atasan.

Tetapi, walau apapun, penekanannya mestilah kepada pekebun kecil. Pekebun kecil sendiri mestilah berorganisasi seperti mana yang disarankan oleh profesor Ungku Aziz didalam akhbar WATAN 26 September, 1987. Saranannya, perlu ada satu gerakan koperasi dari peringkat bawahan (desa) hingga ke peringkat atasan (nasional). Koperasi ini berfungsi untuk meningkatkan tahap kehidupan sosio-ekonomi pekebun kecil. Dengan cara ini,

hal ehwal pekebun kecil secara keseluruhannya akan dapat dijamin dan dipertingkatkan seperti mana yang sepatutnya.

Lanjutan dari sini, bagi pihak yang mengendalikan proses pergabungan ini, koperasi misalnya, hendaklah memilih waktu yang sesuai apabila menasihati dan memujuk pekebun kecil memasuki sesuatu organisasi. Ini adalah kerana, untuk berorganisasi, perlu kepada kewangan yang mantap. Dan sudah tentunya yuran akan dikenakan kepada ahli-ahli sesebuah organisasi itu.

Untuk ini, pihak seperti koperasi mestilah memilih waktu yang sesuai. Sebaik-baiknya seperti selepas penjualan getah yang dilakukan seminggu sekali. Pada masa itulah seharusnya ditarik pekebun kecil ini untuk memasuki organisasi. Jika ianya dijalankan diwaktu lain, kemungkinan pekebun kecil tidak punya jumlah kewangan yang cukup untuk menyertai organisasi itu. Permasalahan yang sebegini sering dihadapi oleh koperasi yang ada.

Oleh itu, penyesuaian waktu dengan jangkaan kepada pekebun kecil hendaklah dititik beratkan sebelum melaksanakan sesuatu projek untuk kebaikan pekebun kecil. Tidaklah wajar nanti dikatakan dengan sewenang-wenangnya pekebun kecil tidak mahu menerima perubahan.

BIBLIOGRAFI

- 1 - Frank, A.G. and Cockroff, (1970) 'Dependence and Under development', Anchor Books, New York.
- 2 - -----, (1971) 'Capitalism and Under development in Latin America', Penguin Press, Great Britain.
- 3 - Hagen, Everett, E., (1964) 'On the Theory of Social Change', Tavistock, London.
- 4 - Hagedon, Robert, (1973) 'An Introduction Into Sociological Orientation', John Wiley and Sons, New York.
- 5 - Husin Ali, Syed, (1976) 'Apa Erti Pembangunan', Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- 6 - -----, (1978) 'Kemiskinan Dan Kelaparan Tanah DiKelantan', Karangkraf, Petaling Jaya.
- 7 - -----, (1981) 'The Malays : Their Problems And Future', Heineman, Kuala Lumpur.
- 8 - Lerner, David, (1958) 'The Passing Of Traditional Society', The Free Press, Glencoe.
- 9 - Lewis W. Arthur, (1966) 'Development Planning', Unwin University Book, London.
- 10 - Mydral, Gunnar, (1970) 'The Challenge Of World Poverty : A World Anti-Poverty Programme In Outline', Vintage Book, New York.
- 11 - Nurkse, Ragnar, (1958) 'Problems Of Capital Formation In Under Developed Countries', Oxford, Great Britain.
- 12 - Rostow, W.W, (1971) 'The States Of Economic Growth', 2nd Edition, The Cambridge University Press, Massachusetts.
- 13 - Zulkifli bin Hj. Mustapa, (1987) 'Pembangunan DiMalaysia : Perencanaan, Perlaksanaan, Prestasi', Edit Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur.

JURNAL DAN SEMINAR

- 1 - International Encyclopedia Of The Social Science, Volume 12, 1968.
- 2 - Leonard, Peter, (1971) 'The Challenge Of Primary Prevention In : Social Works Today', Jilid 2, Bilangan 5.
- 3 - Lim, S.C., (1968) Analysis Of Smallholders : Rubber Marketing In West Malaysia', Natural Rubber Conference.
- 4 - Nimkoff, M.F. & Russel Middleton, 'Types Of Family And Type Of Economy', American Journal Of Sociology 1960/1961.
- 5 - Pekebun Kecil Dan Getah Asli Dalam Pembangunan Negara (Unit Hal Ehwal Awam, RISDA), Kuala Lumpur, 1981.
- 6 - Persidangan Kebangsaan Pembangunan Sosio-Ekonomi Pekebun Kecil, Serdang, 1982.
- 7 - RISDA : The Prospect For Natural Rubber, 1979.

Surat Khabar

- 1 - Berita Harian 30.9.1987
- 2 - WATAN 26 Sept. 1987.